Universiti Teknologi MARA
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu

KUALITI

Edisi Januari - Jun 2026



Akreditasi

Sesi Lawatan Penilaian Penuh Pusat Verifikasi Kualiti (QVC) UiTM Oleh MQA

Pengurusan Kualiti

Audit Surveillance 1 (SV1) ISO 9001:2015

Inovasi dan Pengembangan Ilmu

Inovasi Specifill Serlah Dalam Podcast Exellens, Kumpulan Luminous Cetus Inspirasi Ke Arah Kejuaraan

eISSN 2976-2596
9772976259003

ISI KANDUNGAN

Prakata 2

Nota Editor 3

Akreditasi

Bengkel Sesi Semakan Data Laporan Dwitahunan InQKA Peringkat Fakulti Dan Cawangan 4

Memacu Kecemerlangan Digital: InQKA & Jana Perkukuh Integrasi Sistem QVC UiTM 6

Sinergi Jaminan Kualiti: Sorotan Hari Bertemu Pelanggan InQKA Bil. 1/2026 7

Bootcamp Intensif Pemantapan Laporan Dwitahunan PPT Berstatus Swakreditasi 8

Taklimat Pemerkasaan Kualiti Melalui IQAF MQA 9

Siri 1 - Bengkel Pengendalian Laporan Audit Bertema Area 5 (IQAF) 10

Taklimat Audit Pematuhan (IQA04): Memperkasa Jaminan Kualiti Ke Arah Kematangan Sistem Swaakreditasi 11

Sesi Taklimat Penyediaan Dokumen IQAF: Bidang 5: Pemerkasaan Jaminan Kualiti UiTM 13

UiTM Perkukuh Status Swaakreditasi Melalui Sesi Semakan Laporan Dwitahunan Bersama Naib Canselor UiTM 14

Sesi Lawatan Penilaian Penuh Pusat Verifikasi Kualiti (QVC) UiTM Oleh MQA 15

Pelaksanaan Bengkel Bersiri Pengendalian Laporan Audit Bertema Bidang 5 (IQAF) 16

UiTM Rintis Taklimat Jaminan Kualiti *Stand-Alone Micro-Credential (SAMC)* Bersama Agensi Luar 17

Digitalisasi Akreditasi: Warga Kerja Akademik UiTM Lonjak Pemantauan Kualiti Menerusi Sistem *i-Accredit* 18

Pengurusan Kualiti

Kursus Penulisan *Self-Review Report (SRR)* 2026 19

Taklimat Pelaksanaan Kecemerlangan Operasi (OE) 2026 20

Taklimat Panel Penilai Kecemerlangan Operasi (OE2025) 21

Taklimat Auditee bagi *Surveillance Audit 1 (SV 1)* ISO 9001:2015 Lloyd's Register Quality Assurance (LRQA) 22

Taklimat Panel Audit *Integrated Quality Management System (IQMS)* 2026 24

Audit Surveillance 1 (SV1) ISO 9001:2015 25

Taklimat Persediaan Pusat Tanggungjawab (PTj) Bagi Pelaksanaan Audit *Integrated Quality Management System (IQMS)* Kitaran 8 Tahun 2026 26

Inovasi dan Pengembangan Ilmu

Siri Webinar KIK 2026 Perkasa Kompetensi Penggiat KIK UiTM 27

Kursus Penulisan Dokumentasi Pelaporan KIK HB 4.0 29

Inovasi Specifill Serlah Dalam Podcast Exellens, Kumpulan Luminous Cetus Inspirasi Ke Arah Kejuaraan 30

Podcast Excellens: Menyingkap Rahsia Kejayaan Juara AKNC 2025 31

Webinar Anugerah Kualiti Naib Canselor:

Kriteria 1 (Kepimpinan) Dan Kriteria 2 (Perancangan Strategik) 32

Kriteria 3 (Tumpuan Kepada Pelanggan) Dan Kriteria 4 (Pengukuran, Analisa Dan Pengurusan Pengetahuan) 34

Kriteria 5 (Tumpuan kepada Sumber Manusia) Dan Kriteria 6 (Tumpuan Kepada Operasi) 36

Kriteria 7 (Hasil) 37

Jaringan dan Bimbingan

Bengkel Pembentukan Piagam Pelanggan UiTM 2026 38

Sesi Perbincangan Kolaborasi Strategik: UiTM Dan Medtecque Sdn. Bhd. 40

Redaksi 41

PRAKATA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Salam Malaysia Madani dan Salam UiTM dihatiku. Setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Majalah KUALITI Edisi Januari – Jun 2026 terbitan Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) berjaya menemui para pembaca sekalian. Apabila membaca dan meneliti setiap lembaran naskhah edisi ini, saya berasa sungguh bangga menyaksikan komitmen serta kecekalan yang ditunjukkan oleh seluruh warga UiTM dalam memperkukuh agenda kualiti dan inovasi universiti.

Sepanjang enam bulan pertama tahun 2026, ekosistem jaminan kualiti UiTM telah bergerak dengan amat pantas mendepani pelbagai agenda transformasi institusi. Usaha memperkukuh status Swaakreditasi universiti kini berada pada landasan yang semakin kukuh menerusi pembentangan Laporan Dwitahunan bersama YBhg. Naib Canselor UiTM serta penganjuran *Bootcamp* penulisan laporan berfokus. Pada masa yang sama, persediaan kita mendepani Kerangka Kualiti Audit Institusi (IQAF) MQA Edisi 2025 menerusi siri bengkel pengendalian laporan dan taklimat khusus menjadi langkah proaktif yang amat kritikal, sekali gus menandakan anjakan paradigma UiTM daripada pematuhan asas kepada kematangan sistem jaminan kualiti.

Selari dengan arus perubahan, agenda digitalisasi universiti turut melonjak menerusi pengoperasian sistem i -Accredit bagi pemantauan kualiti akademik secara berpusat, di samping pemantapan Sistem *Quality Verification Centre (QVC)*. Penganjuran Sesi Lawatan Penilaian Penuh QVC oleh MQA baru-baru ini bukan sahaja membuktikan kesediaan fasiliti dan pentadbiran kita, malah membuka ruang lebih luas dalam merintis penawaran modul *Stand-Alone Micro-Credential (SAMC)* bersama pelbagai agensi luar demi menyokong agenda pembelajaran sepanjang hayat negara.

Kecemerlangan tadbir urus di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTj) turut dibuktikan menerusi kejayaan UiTM mengekalkan Pensijilan ISO 9001:2015 bagi skop Pengurusan Korporat Universiti Awam dalam *Audit Surveillance 1 (SV1)* LRQA. Kesediaan padu ini dipacu oleh pemahaman mendalam warga kerja semasa Taklimat Auditee SV1, pelaksanaan Audit iQMS Kitaran 8, serta penilaian proses kerja berasaskan *Online Process Improvement Register (OPIR)* untuk Kecemerlangan Operasi (OE). Ini jelas menunjukkan bahawa amalan kualiti di UiTM telah berakar umbi secara sistematik dan berterusan.

Menariknya, perjalanan jaminan kualiti sepanjang suku pertama dan kedua tahun ini diimbangi dengan pelbagai inisiatif penyemarak inovasi dan pembudayaan perkhidmatan. Penganjuran siri Webinar KIK 2026, Kursus Pelaporan KIK HB 4.0, siri Webinar AKNC Kriteria 1 hingga 7, serta pendekatan baharu melalui Podcast Exellens bersama johan KIK dan AKNC telah memberi nafas segar dalam menyuntik inspirasi kepada warga universiti. Komitmen ini dimantapkan lagi melalui Bengkel Pembentukan Piagam Pelanggan UiTM 2026 yang menegaskan janji kualiti kita untuk sentiasa memberikan penyampaian perkhidmatan yang cekap, telus, dan responsif.

Majalah Kualiti kali ini menjadi bukti pembudayaan berterusan yang setiasa dilakukan. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Datuk Naib Canselor, Pengurusan Tertinggi Universiti. barisan Kepimpinan Fakulti dan Cawangan, serta seluruh warga kerja kualiti atas dedikasi yang tidak berbelah bahagi. Semoga perkongsian dalam edisi ini terus menjadi pemangkin semangat untuk kita bersama-sama melonjakkan kecemerlangan UiTM di persada global yang lebih unggul

Selamat membaca.

YBrs. Prof. Dr. Haslinda Yusoff, (C.A.(M), FCPA(Aust.)
Penolong Naib Canselor
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

NOTA EDITOR



Salam Kualiti dan Salam Inovasi buat semua pembaca.

Alhamdulillah, bertemu lagi kita kali ini dengan Majalah KUALITI Edisi Januari – Jun 2026 yang diterbitkan secara ekslusif oleh InQKA memfokuskan tentang aktiviti kualiti yang berlangsung di seluruh UiTM. Istimewanya, setiap helaian naskhah ini membawa jiwa dan cerita perjuangan warga UiTM yang sangat bernilai untuk didokumentasikan.

Sepanjang enam bulan pertama tahun ini, InQKA bergerak dalam ritma yang sangat pantas dan padat. Saban minggu, meja penyuntingan kami dihujani dengan puluhan gambar, laporan, dan nota aktiviti dari segenap pelosok kampus. Kami menyaksikan bagaimana gigihnya rakan-rakan di fakulti dan cawangan bertungkus-lumus membantu dalam memurnikan data Laporan Dwitahunan Swaakreditasi, berkampung dalam *Bootcamp* penulisan laporan IQAF, serta membuat persediaan rapi menghadapi audit ISO 9001:2015 dan penilaian QVC oleh MQA. Di sebalik keseriusan angka, borang, dan istilah audit itu, kami di bahagian penyuntingan sebenarnya dapat merasai denyut nadi dan rasa tanggungjawab yang tinggi dalam diri setiap warga kerja yang terlibat.

Edisi ini menjadi lebih bermakna kerana kami cuba menangkap sudut 'manusiawi' dan kehangatan semangat warga UiTM. Sorotan menerusi saluran Podcast Exellens contohnya, membongkar kisah di sebalik tabir kejayaan Kumpulan Luminous dari HASA bersama inovasi SpeciFill, serta rahsia ketekunan para juara AKNC 2025 yang sudi berkongsi formula kejayaan mereka. Begitu juga dengan kehangatan siri Webinar KIK, bengkel penyediaan Piagam Pelanggan, dan taklimat kecemerlangan operasi (OE) yang membuktikan bahawa pencarian kualiti terbaik di universiti ini adalah sebuah perjalanan pembelajaran yang tidak pernah bernoktah.

Sebagai Ketua Editor, saya berasa amat kerdil dan kian menghargai setiap titik peluh yang dicurahkan di sebalik tabir penerbitan ini. Ibarat menjunjung di atas kepala, memikul di atas bahu, setiap pengorbanan dan sumbangan anda semua saya sanjung dengan penuh rasa takzim. Justeru, rasa hormat dan terima kasih saya hulurkan kepada barisan penulis, pereka grafik, jurufoto, dan seluruh Sidang Redaksi Majalah KUALITI UiTM.

Terima kasih kerana sudi 'berperang' dengan kesempitan masa dan tuntutan kerja hakiki harian demi memastikan majalah ini terbit dengan wajah yang segar dan hidup. Akhir kata, kami tidak berhasrat menjadikan majalah ini sekadar bahan bacaan lalu yang sepi di rak digital. Harapan kami ialah semoga setiap cerita, pengalaman, dan petikan ilmu dalam edisi Januari – Jun 2026 ini mampu menyentuh hati pembaca, menyuntik inspirasi, dan mengingatkan kita semua bahawa kualiti itu dibina atas rasa kasih dan bangga kita kepada UiTM.
Selamat membaca dan selamat menghayati perjalanan kualiti kita!

Prof. Madya. Dr. Wan Hartini Wan Zainodin
Ketua Editor
Majalah KUALITI UiTM

BENGKEL SESI SEMAKAN DATA LAPORAN DWITAHUNAN InQKA PERINGKAT FAKULTI DAN CAWANGAN

Noor Azwani Asyikin Samad

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah berjaya menganjurkan Sesi Semakan Data Laporan Dwitahunan Bersama Pusat Akademik, Fakulti, dan Cawangan yang berlangsung selama dua hari bermula pada 6 hingga 7 Januari 2026.

Program yang dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian melalui *platform Google Meet* ini bertujuan untuk menyelaras data Laporan Dwitahunan bagi memastikan setiap maklumat program yang dilaporkan adalah tepat dan selaras dengan pelbagai sistem serta rekod rasmi universiti.

Bagi memastikan proses semakan dilakukan dengan cermat dan teliti, InQKA telah menetapkan agihan slot semakan secara *"one-by-one"*. Setiap fakulti dan cawangan diperuntukkan masa selama 15 minit untuk membentangkan laporan masing-masing. Pendekatan secara individu ini diambil bagi membolehkan:

Semakan Terperinci: Data dapat diperiksa dengan lebih mendalam bagi mengelakkan ralat maklumat.
Perbincangan Dua Hala: Memberi ruang kepada pihak fakulti dan urus setia InQKA untuk berbincang secara berfokus mengenai isu-isu teknikal atau pemurnian data yang diperlukan.

Pelaksanaan Program

Sesi semakan ini melibatkan penyertaan daripada Ketua Unit Kualiti serta staf yang terlibat secara langsung dalam proses pengurusan data di peringkat fakulti dan cawangan.

Pada hari pertama program (6 Januari 2026), jadual semakan bermula seawal jam 9:00 pagi melibatkan 21 Pusat Akademik dan Fakulti seperti berikut:

1.Pusat Asasi
2.Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan
3.Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
4.Arshad Ayub Graduate Business School
5.Fakulti Perladangan dan Agroteknologi
6.Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi
7.Fakulti Perubatan
8.Fakulti Pergigian
9.Fakulti Sains Kesihatan
10.Fakulti Farmasi
11.Fakulti Perakaunan
12.Fakulti Pendidikan
13.Fakulti Undang-undang
14.Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi
15.Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media
16.Accounting Research Institute
17.Institut Pengangkutan Malaysia
18.Akademi Pengajian Bahasa
19.Akademi Pengajian Islam Kontemporari
20.Fakulti Sains Gunaan
21.Fakulti Alam Bina

Pada hari kedua program (7 Januari 2026), sesi disambung oleh sebanyak 23 Fakulti dan Kampus Cawangan seperti berikut:

1.Fakulti Filem, Teater dan Animasi
2.Fakulti Muzik
3.Fakulti Sains Komputer dan Matematik
4.Fakulti Sains Maklumat
5.Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi
6.Fakulti Kejuruteraan Elektrik
7.Fakulti Kejuruteraan Kimia
8.Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
9.Fakulti Kejuruteraan Awam
10.Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka
11.Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media
12.UiTM Cawangan Kelantan
13.UiTM Cawangan Pahang
14.UiTM Cawangan Terengganu
15.UiTM Cawangan Sabah
16.UiTM Cawangan Sarawak
17.UiTM Cawangan Johor
18.UiTM Cawangan Melaka
19.UiTM Cawangan Negeri Sembilan
20.UiTM Cawangan Pulau Pinang
21.UiTM Cawangan Perak
22.UiTM Cawangan Perlis
23.UiTM Cawangan Kedah

Kepentingan Pemurnian Data

Berdasarkan kepada surat jemputan yang dikeluarkan oleh Profesor Dr. Haslinda binti Yusoff, Penolong Naib Canselor InQKA, inisiatif ini merupakan langkah kritikal dalam memurnikan data universiti. Keselarasan maklumat adalah penting bukan sahaja untuk rekod dalaman, malah untuk memenuhi piawaian kualiti yang ditetapkan oleh badan-badan berkaitan seperti MQA dan status swaakreditasi universiti. Dengan berakhirnya sesi ini, diharapkan semua data Laporan Dwitahunan yang dikumpul akan menjadi rujukan yang sahih dan berintegriti bagi melonjakkan lagi kualiti akademik UiTM di persada global.

MEMACU KECEMERLANGAN DIGITAL: InQKA & JANA PERKUKUH INTEGRASI SISTEM QVC UiTM

Noor Azwani Asyikin Samad

Bertempat di Bilik Mesyuarat InQKA, satu sesi perbincangan strategik bagi pembangunan Sistem *Quality Verification Center (QVC)* UiTM pada 19 Januari 2026 telah berjaya dilaksanakan. Pertemuan secara fizikal ini menjadi medan kolaborasi penting antara Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) bersama Jabatan Akademik dan Antarabangsa (JAnA) dalam memartabatkan tadbir urus digital universiti.

SINERGI KEPIMPINAN DAN KEPAKARAN

Sesi ini telah diketuai oleh Prof. Dr. Haslinda Yusoff, Penolong Naib Canselor InQKA. Kehadiran barisan pengurusan tertinggi daripada JAnA dan InQKA memperlihatkan komitmen padu kedua-dua pihak, antaranya:

- Prof. Dr. Azlina Idris (Pengarah Bahagian Pembangunan Akademik (BPA), JAnA)
- Prof. Dr. Kamarularifin Abd Jalil (Pengarah Jaminan Kualiti Akademik)
- Dr. Sharifah Aliman (Pengarah Pengurusan Akademik, JAnA) dan Puan Faidah Muhammad (Timbalan Pegawai Teknologi Maklumat, JAnA)
- Puan Juliana Manan (Koordinator QVC)
- Puan Siti Nor Hadijah Md Supaat (Timbalan Pendaftar InQKA)

PENCAPAIAN MODUL SAMC & GARIS MASA MQA

Dalam sesi tersebut, Puan Siti Nor Hadijah berkongsi perkembangan positif mengenai modul *Stand-Alone Microcredential* (SAMC). Sebanyak 29 modul SAMC telah pun selesai melalui proses penilaian pada 23 November 2025 untuk dihantar ke Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Pecahan modul tersebut merangkumi:

24	**Modul Dalaman** *(Internal)*
5	**Modul Luaran** (External)

Walaupun penilaian telah selesai lebih awal, pihak MQA memaklumkan bahawa penghantaran rasmi dokumen hanya boleh dilakukan bermula 24 Januari 2026.

iQVC: Transformasi Manual ke Digital

Fokus utama perbincangan adalah penyelarasan proses permohonan modul SAMC dengan sistem QVC yang dibangunkan oleh JAnA. Sistem ini boleh diakses secara dalam talian melalui pautan:

iqvc.uitm.edu.my

Bagi memastikan kelancaran pengoperasian, peranan dan tanggungjawab (PIC) telah ditetapkan seperti berikut:

- **Pemantauan SAMC:** Jabatan Anugerah dan Pengiktirafan Akademik (JAnA
- **Operasi:** iCEPS
- **Penilaian:** Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

HASIL PERBINCANGAN & LANGKAH KE HADAPAN

Bagi menjamin kesinambungan daripada proses manual kepada sistem digital, Puan Juliana Manan (Koordinator QVC, InQKA) akan bekerjasama rapat dengan JAnA untuk melakukan semak silang maklumat pada borang sedia ada dengan sistem iQVC.

Beberapa fasa penambahbaikan sistem juga telah dikenal pasti untuk dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan pengalaman pengguna, antaranya:

1. Penambahan fungsi muat naik bukti resit pembayaran.
2. Penyepaduan maklumat panel penilai dan sijil kelayakan khusus panel SAMC.
3. Penyediaan laporan individu (paparan pengguna) dan laporan keseluruhan (paparan pentadbir).
4. Penyediaan manual sistem QVC yang komprehensif.

Pertemuan ini bukan sekadar perbincangan teknikal, malah merupakan satu langkah besar ke arah pendigitalan jaminan kualiti akademik di UiTM yang lebih efisien, telus, dan sistematik.

SINERGI JAMINAN KUALITI: SOROTAN HARI BERTEMU PELANGGAN InQKA BIL. 1/2026

Noor Azwani Asyikin Samad



Memasuki suku pertama tahun 2026, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah berjaya melaksanakan siri Hari Bertemu Pelanggan InQKA Bersama Fakulti/Pusat Akademik/ Cawangan/Jabatan. Inisiatif ini merupakan manifestasi komitmen InQKA dalam menyediakan platform rundingan terus bagi memperincikan proses kerja akreditasi serta merentasi cabaran pelaksanaan jaminan kualiti di peringkat akar umbi.

Sesi perbincangan ini diketuai oleh barisan Pengurusan Kanan InQKA yang terdiri daripada Penolong Naib Canselor InQKA, Profesor Dr. Haslinda Yusoff; Pengarah Jaminan Kualiti Akademik, Profesor Dr. Kamarularifin Abd Jalil; dan Ketua Akreditasi Akademik, Profesor Ir. Dr. Sheila Belayutham dan Ketua Pematuhan Kualiti Akademik, Profesor Madya Dr Hadijah Iberahim.

PLATFORM SOLUSI DAN INTEGRASI DOKUMENTASI

Sepanjang tempoh Januari hingga Mac 2026, sebanyak lima (5) sesi kritikal telah dijalankan bagi menangani isu-isu khusus mengikut keperluan Fakulti/Pusat Akademik/ Cawangan/Jabatan:

12 Januari 2026 | Fakulti Alam Bina, UiTM Cawangan Perlis

- Fokus utama adalah peralihan program daripada pemantauan MBOT kepada status Swaakreditasi (SWA). Mesyuarat memutuskan agar program seperti Diploma Sains Komputer menyasarkan akreditasi penuh melalui proses MQA. Strategi penyediaan dokumen secara selari (parallel) dipersetujui bagi mengelakkan kelewatan penyerahan kepada pihak luar.

31 Januari 2026 | Fakulti Pendidikan

- Sesi ini membincangkan impak pertukaran premis/lokasi bagi program-program pascasiswazah seperti ED702, ED705, ED706, ED770, ED750, dan ED950. Perbincangan ini penting bagi memastikan fasiliti di premis baharu tetap memenuhi piawaian akreditasi yang telah ditetapkan sebelumnya.

5 Mac 2026 | Fakulti Pengurusan Perniagaan, iCEPS

- Menangani isu Pengurus Program BA111 (Diploma Pengurusan Perniagaan) - Pertemuan ini bertujuan memberikan penjelasan terperinci mengenai peranan Pengurus Program bagi kod BA111. Fokus utama adalah memastikan setiap aspek pengurusan program selari dengan kerangka kepatuhan akreditasi yang ditetapkan oleh MQA

11 Mac 2026 | UiTM Cawangan Pahang

- Perbincangan Berkaitan Permohonan Mendapatkan Data Sistem i-Accredit bagi Tujuan Pembangunan Dashboard BHEA UiTM Pahang.

13 Mac 2026 | Fakulti Pengurusan Perniagaan, iCEPS

- Ianya ini melibatkan perbincangan mengenai Status Pendaftaran Malaysia *Qualifications Register (MQR)* bagi program-program separuh masa yang ditawarkan oleh iCEPS. Penyelarasan ini kritikal bagi memastikan rekod pendaftaran pelajar dalam MQR sentiasa dikemaskini dan sahih.

LANGKAH KE HADAPAN

Hasil daripada sesi Hari Bertemu Pelanggan ini, setiap Fakulti/Pusat Akademik/ Cawangan/Jabatan terlibat akan menjalankan semakan pematuhan awal bagi mengenal pasti sebarang jurang dokumentasi sebelum proses penyerahan rasmi dilakukan. Sinergi berterusan melalui saluran komunikasi melalui e-mel dan aplikasi whatsapp akan dikekalkan bagi memastikan setiap isu teknikal dapat diselesaikan dengan segera.

BOOTCAMP INTENSIF PEMANTAPAN LAPORAN DWITAHUNAN PPT BERSTATUS SWAAKREDITASI

Noor Azwani Asyikin Samad

Dalam usaha memastikan kualiti akademik Universiti Teknologi MARA (UiTM) sentiasa berada pada tahap tertinggi, Unit Jaminan Kualiti Akademik (AQA), InQKA telah berjaya menganjurkan Program *Bootcamp* Penulisan Laporan Dwitahunan PPT Berstatus Swaakreditasi pada 3 hingga 5 Februari 2026 yang lalu.

Program ini merupakan platfom kritikal bagi memenuhi keperluan pelaporan kepada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), di mana setiap PPT berstatus swaakreditasi wajib menyediakan Laporan Dwitahunan *(Biennial Report)* yang menyeluruh berdasarkan dapatan audit kualiti.

SESI KONSULTASI BERFOKUS BERSAMA 9 PTJ

3 FEBRUARI 2026
BILIK SEMINAR InQKA

Sesi maklum balas susulan swaakreditasi secara fizikal di Bilik Seminar InQKA. Sesi ini melibatkan kehadiran penuh wakil daripada sembilan (9) Pusat Tanggungjawab (PTj) utama iaitu:

- InQKA
- Jabatan Akademik dan Antarabangsa
- Pejabat Transformasi Universiti (TRu)
- Bahagian Hal Ehwal Kurikulum (BHEK)
- Jabatan Perpustakaan (PTAR)
- Jabatan Pendaftar
- Jabatan Pembangunan
- Jabatan Bendahari
- Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Sesi ini diketuai oleh Prof. Dr. Kamarularifin Abd Jalil, Pengarah Unit AQA, yang menjalankan semakan secara individu mengikut slot masa khusus bagi setiap PTj. Pendekatan ini diambil bagi memastikan tumpuan sepenuhnya dapat diberikan kepada setiap jabatan, membolehkan perbincangan dua hala yang lebih mendalam serta penelitian laporan yang lebih cermat dan teliti.

PEMURNIAN LAPORAN DI ILD ENSTEK

Bootcamp diteruskan pada 4 hingga 5 Februari 2026 bertempat di Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD), Bandar Enstek. Fokus utama pada fasa ini adalah pemurnian data, penyelarasan format penulisan, serta pemantapan dokumen bukti agar selaras dengan garis panduan MQA dan keperluan dalaman UiTM.

Bagi melancarkan proses penulisan, peserta telah dibahagikan kepada tiga (3) kumpulan kerja utama:

- **Kumpulan 1**

Diketuai oleh Prof. Madya Ts. Dr.-Ing. Shahrul Azam Abdullah, memfokuskan kepada Bahagian E (Penilaian Pematuhan Akreditasi Penuh Program) dan Bahagian F (Semakan Silang MQR dan iAccredit)

- **Kumpulan 2**

Diketuai oleh Ts. Dr. Razulaimi Razali, turut memfokuskan kepada Bahagian B (semakan dokumen bukti dan penulisan laporan), Bahagian C (Status Pematuhan Syarat-syarat Khusus Akreditasi Sementara) dan Bahagian D (Status Pematuhan Syarat-syarat Khusus Akreditasi Penuh)

- **Kumpulan 3**

Diketuai oleh Prof. Dr. Kamarularifin Abd Jalil, merangkumi keseluruhan Bahagian A (semakan data maklumat umum) yang mempunyai enam (6) sub-topik.

PENCAPAIAN OBJEKTIF

Menjelang akhir *bootcamp*, objektif utama program untuk menyedia dan memuktamadkan draf laporan telah berjaya dicapai. Draf pertama Laporan Dwitahunan yang telah dimurnikan telah dibentangkan kepada Prof. Dr. Haslinda Yusoff, Penolong Naib Canselor InQKA, yang turut memberikan ucapan penutup sebagai tanda sokongan terhadap komitmen padu semua fasilitator dan urusetia yang terlibat.

Melalui penganjuran *bootcamp* ini, InQKA berharap agar budaya perkongsian amalan terbaik dalam pelaporan kualiti akademik dapat terus diperkasakan demi mengekalkan kecemerlangan status swaakreditasi UiTM.

TAKLIMAT PEMERKASAAN KUALITI MELALUI IQAF MQA

Noor Azwani Asyikin Samad

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah berjaya menganjurkan sesi taklimat bertajuk "Pemerkasaan Kualiti melalui *Institutional Quality Audit Framework (IQAF) MQA*" PADA 9 Februari 2026 secara dalam talian melalui platform Microsoft Teams.

Sesi yang penuh informatif ini telah dihadiri oleh seramai 343 orang peserta yang terdiri daripada warga fakulti dan kampus cawangan UiTM di seluruh Malaysia.

Sesi taklimat ini telah disampaikan oleh Prof. Ts. Dr. Syamsul Nor Azlan Mohamad, Pengarah Bahagian Pentaksiran dan Penilaian Akademik (BPPA) UiTM, yang juga merupakan Penulis Standard *(Standard Writer)* IQAF 2025 serta Jurulatih Bertauliah MQA.

MENGENALI IQAF EDISI 2025

Tujuan utama taklimat ini diadakan adalah untuk memberikan pengenalan awal kepada staf UiTM, khususnya para pengurus kualiti, mengenai dokumen baharu yang diterbitkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) iaitu Kerangka Kualiti Audit Institusi (IQAF) Edisi 2025. IQAF 2025 diperkenalkan bagi menggantikan serta memperkukuh pelaksanaan *Code of Practice for Institutional Audit (COPIA) 2009.*

Antara objektif utama transformasi kerangka ini adalah:

- Menyelaraskan sembilan (9) bidang penilaian lama kepada lima (5) bidang penilaian utama.
- Memastikan jajaran (*alignment*) dengan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) 2024 dan *ASEAN Quality Assurance Framework (AQAF).*
- Membangunkan instrumen penilaian (rubrik) yang lebih mantap bagi membantu Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) mengekalkan dan meningkatkan kualiti secara berterusan.

SISTEM PENILAIAN BAHARU

Satu pembaharuan penting dalam IQAF 2025 adalah pengenalan Tahap Pencapaian (*Attainment Level - AL*) berasaskan skala 1 hingga 5:

AL 3 (*Baseline*):
Memenuhi kriteria minimum yang ditetapkan.

AL 4 (*Effective*):
Menunjukkan kecekapan dan keberkesanan sistem jaminan kualiti dalaman.

AL 5 (*Exemplary*):
Amalan terbaik yang boleh menjadi tanda aras (*benchmark*) kepada pihak lain.

STRUKTUR BIDANG PENILAIAN IQAF 2025

Dalam sesi tersebut, Prof. Ts. Dr. Syamsul Nor Azlan menjelaskan bahawa IQAF 2025 merangkumi 80 standard dan 30 kriteria yang dibahagikan kepada lima bidang berikut:

- **Bidang 1:** Tadbir Urus dan Kelestarian Institusi
- **Bidang 2:** Pembangunan dan Pengurusan Akademik
- **Bidang 3:** Pengalaman dan Sokongan Pelajar
- **Bidang 4:** Bakat dan Sumber
- **Bidang 5:** Jaminan Kualiti dan Peningkatan

HARAPAN DAN LANGKAH SETERUSNYA

Taklimat ini merupakan langkah proaktif InQKA dalam memastikan UiTM sentiasa berada di hadapan dalam mematuhi standard jaminan kualiti kebangsaan dan antarabangsa. Dengan kehadiran yang menggalakkan daripada pelbagai peringkat pengurusan fakulti dan cawangan, adalah diharapkan agar pemahaman mengenai IQAF 2025 ini dapat diterjemahkan ke dalam amalan tadbir urus dan pengurusan akademik yang lebih dinamik, inklusif, dan lestari.

InQKA komited untuk terus menyokong warga UiTM dalam proses transisi ini demi mengekalkan status swakreditasi universiti dan mencapai visi menjadi universiti tersohor dunia

BENGKEL SIRI 1: PEMANTAPAN PENULISAN LAPORAN AUDIT BERTEMA BIDANG 5 (IQAF)

Noor Azwani Asyikin Samad

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah berjaya memulakan langkah proaktif dalam memantapkan kualiti dokumentasi universiti melalui penganjuran Bengkel Pengendalian Laporan Audit Bertema *Area 5* (IQAF) Siri 1 pada 2 Mac 2026.

Bengkel yang bertempat di Bilik Seminar InQKA ini merupakan siri pertama daripada empat siri yang dirancang bagi memastikan kelancaran aktiviti penulisan laporan IQAF bagi Bidang 5.

SINERGI PAKAR MERENTAS BIDANG

Bengkel ini telah diterajui oleh Profesor Dr. Chemah Tamby Chik (Ketua Penulis Area 5) dan dibantu oleh Profesor Dr. Kamarularifin Abd Jalil (Ketua Sekretariat). Pasukan penulis ini terdiri daripada barisan pakar universiti yang membawa kepakaran dari pelbagai bahagian:

- Profesor Dr. Chemah Tamby Chik – Timbalan Dekan Akademik, Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan.
- Profesor Dr. Azlina Idris – Pengarah, Bahagian Pembangunan Akademik.
- Profesor Madya Dr. Suriyani Ariffin – Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Kurikulum.
- Profesor Madya Dr. Jurina Jaafar – Ketua Pengurusan Dasar dan Maklumat Akademik, Jabatan Akademik dan Antarabangsa.
- Dr. Sharifah Aliman – Ketua Pengurusan Akademik, Jabatan Akademik dan Antarabangsa.
- Ts. Dr. Razulaimi Razali – Ketua Pengurusan Kualiti, InQKA.
- Dr. Ani Saifuza Abd. Shukor – Pensyarah Kanan, Fakulti Alam Bina.
- Ts. Linda Abd Hamid – Ketua Akreditasi Program S&S, InQKA.

PEMBENTANGAN DRAF PERTAMA & PENYERAGAMAN FORMAT

Fokus utama Siri 1 ini adalah pembentangan draf pertama hasil penulisan oleh setiap ahli jawatankuasa. Sesi ini dianggap kritikal kerana:

Mengenalpasti Isu: Membolehkan penulis membincangkan cabaran atau permasalahan dalam pencarian maklumat serta data yang diperlukan.

Penyeragaman Format: Memastikan gaya penulisan dan format laporan adalah konsisten bagi menghasilkan laporan yang berkualiti tinggi.

KOMITMEN TERHADAP GARIS MASA MQA

Di akhir bengkel, Ketua Sekretariat memberikan peringatan penting agar setiap penulis memainkan peranan aktif bagi memastikan laporan akhir dapat disiapkan tepat pada waktunya. Ini adalah selaras dengan tempoh masa yang ditetapkan oleh pihak Malaysian Qualifications Agency (MQA), iaitu sebelum atau pada 30 April 2026.

Dengan berbaki tiga lagi siri bengkel yang akan datang, InQKA komited untuk memastikan proses penulisan ini berjalan lancar demi mengekalkan kecemerlangan jaminan kualiti akademik Universiti Teknologi MARA (UiTM).

TAKLIMAT AUDIT PEMATUHAN (IQA04): MEMPERKASA JAMINAN KUALITI KE ARAH KEMATANGAN SISTEM SWAAKREDITASI

Noor Azwani Asyikin Samad

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menganjurkan sesi Taklimat Audit Pematuhan (IQA04) secara dalam talian melalui platform Microsoft Teams pada 5 Mac 2026. Sesi yang bermula pada jam 9.30 pagi ini telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Hadijah Iberahim, Ketua Pematuhan Kualiti Akademik.

Program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran seramai 123 orang staf UiTM yang terdiri daripada Ketua Unit Kualiti (KUK), Ketua Unit Kualiti dan Akreditasi (KUKA), Ketua Program, Pengurus Penilai, dan staf UiTM dari pelbagai fakulti serta kampus cawangan UiTM.

Kepentingan Audit Pematuhan: Pandangan MQA

Dalam sesi taklimat tersebut, Dr. Hadijah turut merujuk kepada kenyataan akhbar oleh Prof. Datuk Dr. Mohammad Shatar Sabran, Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dalam Utusan Malaysia bertarikh 27 Februari 2026 . Beliau menegaskan:

> "Semua universiti diwajibkan membuat semakan terhadap program pengajian yang ditawarkan setiap lima tahun bagi memastikannya relevan dengan keperluan industri semasa termasuk kecerdasan buatan (AI). Masa audit pematuhan itulah kita akan lihat bagaimana perubahan itu dibuat. Jika ia dilakukan tanpa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan, tindakan boleh diambil."

Kenyataan ini mengukuhkan hakikat bahawa perakuan akreditasi MQA adalah bersifat berterusan tetapi tertakluk kepada audit pematuhan program secara berkala bagi menjamin standard kualiti yang ditetapkan.

Peralihan Fokus: Daripada Asas kepada Kematangan

Rasional pelaksanaan Audit Pematuhan Kitaran 2 ini membawa anjakan paradigma yang signifikan. Sebagaimana yang dimaklumkan oleh Dr. Hadijah, fokus kini beralih daripada pematuhan asas (COPPA, Standard Program dan Dasar, Pekeliling serta Garis Panduan UiTM) kepada:

- **Keberkesanan Pelaksanaan:** Menilai sejauh mana pemantauan program dilaksanakan secara konsisten.
- **Tindakan Penambahbaikan:** Mengukur impak dan keberkesanan tindakan pembetulan (CQI) yang telah diambil.
- **Kematangan Sistem:** Mengesahkan sistem jaminan kualiti dalaman berada pada tahap yang matang.
- **Kesiapsiagaan Swaakreditasi:** Memastikan setiap program bersedia sepenuhnya untuk penilaian swaakreditasi.

Status Semasa dan Garis Masa Penting

Sehingga 4 Mac 2026, data menunjukkan terdapat 38 lokasi program yang perlu dinilai bagi Kitaran 2, merangkumi peringkat Sarjana, Sarjana Muda, dan Diploma. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 29 lokasi program masih dalam proses penghantaran dokumen.

Pihak fakulti dan cawangan diingatkan mengenai tarikh-tarikh penting berikut:

Tarikh Akhir Penghantaran Dokumen: Selewat-lewatnya pada 15 April 2026 melalui sistem *i-Accredit.*

Tempoh Pelaksanaan IQA04: Bermula dari April sehingga November 2026.

Keperluan Audit dan Standard COPPA

Audit ini merupakan satu keperluan kritikal bagi memastikan setiap program pengajian kekal relevan dengan keperluan industri semasa, termasuk integrasi kecerdasan buatan (AI). Penilaian dibuat berdasarkan 34 Standard MQA yang merangkumi tujuh (7) bidang utama iaitu:


- **Bidang 1:** Pembangunan dan Penyampaian Program
- **Bidang 2:** Penilaian Pembelajaran Pelajar
- **Bidang 3:** Pemilihan dan Khidmat Sokongan Pelajar
- **Bidang 4:** Staf Akademik
- **Bidang 5:** Sumber Pendidikan
- **Bidang 6:** Pengurusan Program
- **Bidang 7:** Pemantauan, Semakan Kurikulum dan Penambahbaikan Berterusan

> Audit yang baik bermula dengan persediaan yang baik. Ia bukan sekadar semakan dokumen, tetapi pengesahan bahawa amalan kualiti benar-benar berfungsi di peringkat akar umbi.

Harapan InQKA

Kejayaan mengekalkan Perakuan Akreditasi Penuh adalah tanggungjawab bersama. InQKA berharap agar semua peserta yang hadir dapat menyebarluaskan maklumat penting ini kepada rakan sekerja di fakulti dan kampus masing-masing bagi memastikan proses audit berjalan lancar dan objektif universiti tercapai.

Semoga usaha ini terus memperkukuh kecemerlangan akademik UiTM selaras dengan aspirasi kualiti global.



Sesi Taklimat Penyediaan Dokumen IQAF

Bidang 5: Pemerkasaan Jaminan Kualiti UiTM

Noor Azwani Asyikin Samad

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menganjurkan sesi Taklimat Penyediaan Dokumen *Institutional Quality Audit Framework (IQAF)* bagi Bidang 5 pada 10 Februari 2026 secara dalam talian melalui platform Microsoft Teams.

Sesi ini bertujuan untuk memberi panduan teknikal kepada barisan penulis yang dilantik dalam menyediakan laporan audit bertema yang berkualiti tinggi bagi mengekalkan kecemerlangan institusi.

Taklimat utama telah disampaikan oleh Prof. Dr. Kamarularifin Abd Jalil, Pengarah Jaminan Kualiti Akademik, yang memperincikan strategi penulisan dan pengumpulan bukti bagi Bidang 5: Quality Assurance and Enhancement.

Mandat Audit Bertema MQA

Pelaksanaan audit ini adalah berdasarkan arahan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) melalui surat pemakluman bertarikh 16 Disember 2025. Audit bertema ini bertujuan untuk menilai keberkesanan sistem jaminan kualiti dalaman Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) berstatus Swaakreditasi.

Antara perincian penting arahan MQA tersebut termasuklah:

- **Tema Audit:** *Quality Assurance and Enhancement.*
- **Skop Penilaian:** Merangkumi sistem jaminan kualiti dalaman, mekanisme pemantauan program, penglibatan pihak berkepentingan, dan sistem penambahbaikan berterusan.
- **Keperluan Dokumen:** UiTM perlu mengemukakan Self-Review Portfolio bagi Bidang 5 beserta bukti pematuhan syarat khusus sebelum atau pada 30 April 2026.
- **Tarikh Lawatan:** Cadangan lawatan audit oleh dua orang auditor MQA dijangka pada bulan Jun atau Julai 2026.

Garis Masa dan Tarikh Penting

Bagi memastikan kelancaran proses penyediaan, beberapa tarikh penting telah ditetapkan sebagai panduan kepada jawatankuasa penulis:

Aktiviti Utama	Tarikh / Kekerapan
Bengkel Pengendalian Laporan (Siri 1)	2 Mac 2026
Tarikh Akhir Draf Pertama	10 Mac 2026
Bengkel Pengendalian Laporan (Siri 2)	16 Mac 2026
Bengkel Pengendalian Laporan (Siri 3)	31 Mac 2026
Bengkel Pengendalian Laporan (Siri 4)	6 April 2026
Bengkel Pengendalian Laporan (Siri 5)	13 April 2026
Pengemaskinian Draf Akhir Laporan	14-22 April 2026
Pembentangan Laporan Bersama Pengurusan InQKA	23 April 2026
Pembentangan Laporan Bersama Naib Canselor UiTM	27 April 2026
Penghantaran Rasmi Laporan	30 April 2026

Selain itu, para penulis perlu untuk melakukan pelaporan status sebanyak dua kali seminggu bagi memastikan setiap sub-bidang (5.1 hingga 5.4) dapat disiapkan mengikut jadual yang telah dirancang.

Sinergi Pasukan Penulis

Proses penulisan ini diketuai oleh Profesor Dr. Chemah Tamby Chik bersama barisan pakar daripada pelbagai fakulti dan bahagian, termasuklah wakil daripada JAnA dan InQKA. Kolaborasi ini sangat kritikal bagi memastikan pemetaan antara dokumen *Guide on Compliance Evaluation for Self-Accreditation Universities (GCESSAU)* dan IQAF dilakukan dengan tepat.

Dengan komitmen padu daripada semua pihak, InQKA yakin laporan ini akan menjadi manifestasi kepada budaya kualiti yang mampan di Universiti Teknologi MARA.

UiTM PERKUKUH STATUS SWAAKREDITASI

MELALUI SESI SEMAKAN LAPORAN DWITAHUNAN BERSAMA NAIB CANSELOR UiTM

Noor Azwani Asyikin Samad

Universiti Teknologi MARA (UiTM) terus komited dalam memartabatkan kualiti akademik melalui Sesi Pembentangan Laporan Dwitahunan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) Berstatus Swaakreditasi yang telah berlangsung pada 5 Mac 2026.

Sesi yang diadakan secara dalam talian melalui platform Google Meet ini menyaksikan penglibatan aktif pengurusan tertinggi universiti dalam memastikan standard jaminan kualiti berada pada tahap tertinggi.

Sinergi Kepimpinan dalam Jaminan Kualiti

Sesi pembentangan yang berlangsung selama satu jam ini dikendalikan oleh dua figura penting dalam pengurusan kualiti UiTM, iaitu:

- **Prof. Dr. Haslinda Yusoff,**
  Penolong Naib Canselor InQKA.
- **Prof. Dr. Kamarularifin Abd Jalil,**
  Pengarah Jaminan Kualiti Akademik.

Pembentangan ini bertujuan untuk memperincikan laporan menyeluruh yang merangkumi enam (6) bahagian utama iaitu:

- **Bahagian A:** Maklumat Umum Unit *Internal Quality Assurance (IQA)*
- **Bahagian B:** Maklum Balas bagi Syarat-syarat Khusus Pengekalan Status Swaakreditasi
- **Bahagian C:** Pematuhan Syarat-syarat Khusus Audit Akreditasi Sementara bafi Tujuan Penyenaraian dalam Portal MQA/PSA
- **Bahagian D:** Pematuhan Syarat-syarat Khusus Audit Akreditasi bagi Tujuan Pendaftaran dalam Daftar Kelayakan Malaysia (MQR)
- **Bahagian E:** Penilaian Pematuhan Akreditasi Penuh Program
- **Bahagian F:** Semakan Silang Program di bawah portal MQA/PSA dan MQR

Lensa Auditor: Kupasan Tajam Naib Canselor



Keunikan sesi kali ini terletak pada pendekatan yang diambil oleh YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin, Naib Canselor UiTM. Beliau telah melakukan semakan dokumen tersebut melalui "mata seorang auditor MQA".

Dalam sesi kritikan membina tersebut, Datuk Naib Canselor telah memberikan pandangan serta cadangan penambahbaikan yang signifikan. Fokus utama beliau adalah untuk memastikan setiap maklumat yang dipersembahkan:

- Lebih menyakinkan dan bermutu tinggi.
- Mampu menjawab setiap persoalan yang berpotensi dibangkitkan oleh pihak MQA secara tuntas.
- Memenuhi piawaian ketat pengekalan status swaakreditasi yang memerlukan dokumentasi yang telus dan holistik.

Komitmen Terhadap Kecemerlangan

Laporan Dwitahunan ini merupakan dokumen kritikal yang perlu dikemukakan kepada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sebelum atau pada 31 Mac 2026. Ia bukan sekadar pematuhan prosedur, malah merupakan manifestasi akauntabiliti UiTM dalam mengekalkan autonomi akademik melalui status swaakreditasi.

Antara elemen penting yang ditekankan dalam laporan tersebut termasuklah pengurusan bajet tahunan IQA, pelantikan Ahli Panel Penilai (APP), serta keberkesanan tindakan penambahbaikan (syarat khusus, penegasan, dan cadangan) yang telah dilaksanakan oleh universiti.

Dengan bimbingan dan saranan daripada Naib Canselor, pasukan jaminan kualiti kini berada di landasan tepat untuk memuktamadkan laporan yang bukan sahaja memenuhi syarat teknikal, malah mencerminkan kecemerlangan institusi UiTM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

SESI LAWATAN PENILAIAN PENUH PUSAT VERIFIKASI KUALITI (QVC) UiTM OLEH MQA

Noor Azwani Asyikin Samad

Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah selesai menyempurnakan sesi lawatan bagi penilaian permohonan kelulusan penuh Pusat Verifikasi Kualiti *(Quality Verification Centre, QVC)* yang dikendalikan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada 12 Mac 2026 yang lalu.

Lawatan penilaian yang berlangsung di Bilik Mesyuarat InQKA, UiTM ini melibatkan verifikasi bagi tahap Sijil (T-3) sehingga Ijazah Kedoktoran (T-8).

Sorotan Aktiviti Penilaian

Sesi pembukaan telah dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Penolong Naib Canselor InQKA, Profesor Dr. Haslinda Yusoff. Beliau telah membentangkan slaid pengenalan UiTM secara umumnya dan InQKA secara khususnya kepada para auditor MQA yang hadir.

Sepanjang sesi yang bermula seawal jam 9.00 pagi itu, panel penilai MQA telah melaksanakan beberapa prosedur audit yang komprehensif:

Semakan Dokumen: Panel penilai telah menyemak dan menilai dokumen asal serta senarai semak MQA-QVC-02 yang disediakan oleh pihak universiti.

Lawatan Premis: Tinjauan fizikal telah dilakukan ke atas struktur organisasi, kemudahan fasiliti, dan sistem pentadbiran yang menyokong fungsi QVC.

Sesi Temubual: Pihak pengurusan dan pegawai pentadbiran QVC telah ditemubual bagi mendapatkan gambaran jelas mengenai pengoperasian pusat tersebut.

Pembentangan QVC: Pihak UiTM telah membentangkan statistik permohonan SAMC, penilaian kendiri, serta cabaran dan cadangan penyelesaian dalam pengendalian QVC.

Hasil Dapatan & Langkah Seterusnya

Menerusi sesi *Exit Meeting* yang diadakan pada penghujung lawatan, pihak auditor telah membentangkan dapatan penilaian kepada wakil MQA, APP, dan pihak pengurusan QVC.

Secara keseluruhannya, sesi penilaian ini memberikan input yang sangat berharga. Pihak InQKA (Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu) disarankan untuk mengambil tindakan proaktif dalam membuat penambahbaikan terhadap komen-komen dan saranan yang telah dikemukakan oleh para auditor.

Langkah ini penting bagi memastikan sistem pengurusan dan verifikasi kualiti SAMC di UiTM sentiasa berada pada tahap terbaik dan memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh MQA.

Pihak universiti merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan sesi lawatan ini. Komitmen berterusan dalam memartabatkan "Pendidikan Tinggi Berkualiti Global" akan terus menjadi keutamaan UiTM.



Pelaksanaan Bengkel Bersiri Pengendalian Laporan Audit Bertema Bidang 5 (IQAF)

Noor Azwani Asyikin Samad

Dalam usaha berterusan memartabatkan standard kecemerlangan akademik, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah berjaya menganjurkan lima (5) siri bengkel intensif bagi penyediaan Laporan Audit Bertema Bidang 5 berpandukan kerangka *Institutional Quality Assurance Framework (IQAF).*

Pelaksanaan bengkel yang dijalankan secara hibrid (fizikal dan dalam talian) ini merupakan manifestasi dedikasi UiTM dalam memastikan sistem jaminan kualiti dalaman sentiasa berada pada tahap tertinggi.

Kepimpinan Berwibawa & Pasukan Penulis Pakar

Bengkel bersiri ini telah diketuai oleh Profesor Dr. Chemah Tamby Chik, Timbalan Dekan Akademik, Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan. Beliau bersama barisan panel penulis yang terdiri daripada pakar-pakar akademik dan pengurusan kualiti telah bertungkus-lumus merangka naratif laporan yang komprehensif.

Antara tokoh akademik yang menganggotai jawatankuasa penulis ialah:

1. **Profesor Dr. Azlina Idris**
   (Pengarah Bahagian Pembangunan Akademik)
2. **Profesor Madya Dr. Suriyani Ariffin**
   (Pengarah Bahagian Hal Ehwal Kurikulum)
3. **Profesor Madya Dr. Jurina Jaafar**
   (Ketua Pengurusan Dasar dan Maklumat Akademik)
4. **Dr. Nor Azliza Ismail**
   (Ketua Pengurusan Akademik)
5. **Ts. Dr. Razulaimi Razali**
   (Ketua Pengurusan Kualiti InQKA)
6. **Dr. Ani Saifuza Abd Shukor**
   (Pensyarah Kanan Fakulti Alam Bina)
7. **Ts. Linda Abd Hamid**
   (Pensyarah Kanan Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka)

Ketua Sekretariat:
Profesor Dr. Kamarularifin Abd Jalil
Pengarah Unit Jaminan Kualiti Akademik (AQA)

Fokus Utama Penulisan Bidang 5

Penulisan laporan kali ini memberi tumpuan khusus kepada empat klausa kritikal di bawah IQAF:

1. **Klausa 5.1:** *Internal Quality Assurance System*
2. **Klausa 5.2:** *Mechanisms for Programme Monitoring, Review and Evaluation*
3. **Klausa 5.3:** *Involvement of Stakeholders and Educational Experts*
4. **Klausa 5.4:** *Quality Improvement and Enhancement*

Kronologi Kejayaan: Dari Bengkel ke Penghantaran Rasmi

Proses penghasilan laporan ini melalui fasa gerak kerja yang tersusun bagi memastikan setiap data dan fakta adalah tepat:

Tarikh / Tempoh	Aktiviti Utama
2 Mac – 13 April 2026	Siri 1 hingga Siri 5 Bengkel Pengendalian Laporan
14 – 22 April 2026	Fasa Pengemaskinian & Pemurnian Draf Akhir
23 April 2026	Pembentangan Strategik bersama Pengurusan InQKA
27 April 2026	Pembentangan Eksklusif bersama Naib Canselor UiTM
30 April 2026	Penghantaran Rasmi Laporan

Mendapat Sentuhan 'Mata Auditor'

Satu pencapaian signifikan dalam siri ini adalah sesi pembentangan draf akhir bersama Profesor Dr. Haslinda Yusoff, Penolong Naib Canselor (PNC) InQKA pada 23 April. Beliau telah memberikan input bernas dalam aspek format penulisan dan pengukuhan data sokongan bagi memastikan kualiti laporan mencapai piawaian yang ditetapkan oleh MQA.

Puncak kepada usaha ini adalah sesi semakan bersama YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin, Naib Canselor UiTM pada 27 April 2026. Beliau telah ‘menukar’ peranan dengan memakai topi Auditor MQA telah memberikan ulasan kritis serta kritikan membina. Pengiktirafan dan ucapan penghargaan daripada beliau atas komitmen para penulis menjadi pemangkin semangat buat seluruh warga InQKA.

Kejayaan penyediaan Laporan Audit Bertema Bidang 5 ini adalah hasil sinergi mantap antara Penulis, PTj, Fakulti, dan Sekretariat. Kerjasama kolektif ini membuktikan bahawa budaya kualiti bukan sekadar prosedur, tetapi merupakan tanggungjawab bersama demi kelestarian kecemerlangan UiTM.

UiTM Rintis Taklimat Jaminan Kualiti *Stand-Alone Micro-Credential (SAMC)* Bersama Agensi Luar

Noor Azwani Asyikin Samad

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah berjaya menganjurkan Sesi Taklimat *Stand-Alone Micro-Credential (SAMC)* secara dalam talian melalui platform Microsoft Teams.

Sesi pemerkasaan ini memfokuskan peranan Pusat Verifikasi Kualiti (QVC) UiTM berfungsi sebagai proses jaminan kualiti penawaran *Stand-Alone Micro-Credentials (SAMC)* agar sentiasa mematuhi Garis Panduan Amalan Baik (GGP), melaksanakan penilaian verifikasi standard kualiti dan elemen kurikulum berpandukan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), serta menguruskan pendaftaran setiap modul yang telah disahkan ke dalam Daftar Micro-Credentials Rasmi MQA demi menyokong agenda pembelajaran sepanjang hayat negara.

Sesi taklimat yang berlangsung dari jam 10.00 hingga 11.30 pagi hari ini telah dihadiri oleh seramai 25 orang peserta yang terdiri daripada wakil pelbagai agensi luar yang berminat untuk mengemukakan permohonan verifikasi modul SAMC melalui Pusat Verifikasi Kualiti (QVC) UiTM.

Sesi taklimat telah disampaikan oleh dua (2) orang penceramah utama daripada Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) UiTM iaitu:



Prof. Ir. Dr. Sheila Belayutham
Ketua Akreditasi Program Akademik (Sains dan Teknologi)

Memberikan pengenalan mengenai InQKA, QVC dan SAMC. Di samping itu, beliau juga menjelaskan mengenai proses pelaksanaan verifikasi kualiti SAMC di QVC UiTM.



Pn. Juliana Manan
Koordinator Micro-Credentials (QVC)


Membentangkan mekanisma pengurusan operasi, prosedur permohonan menggunakan borang instrumen SAMC-01, serta peranan agensi luar sebagai penyedia dalam memastikan integriti pelaksanaan dipatuhi sepenuhnya.

Dalam sesi tersebut, para peserta didedahkan kepada kepentingan Garis Panduan Amalan Baik *(Guidelines to Good Practices - GGP)* bagi modul penawaran jangka pendek.

Pengiktirafan ini penting bagi membolehkan proses peningkatan kemahiran (*upskilling*) dan penambahan kemahiran baharu (*reskilling*) tenaga kerja tempatan dapat dinilai berdasarkan pengiraan Masa Pembelajaran Notional (LT) yang tepat, di mana setiap 40 jam pembelajaran disetarakan dengan nilai 1 kredit.

Melalui proses verifikasi di QVC UiTM, agensi luar yang bertindak sebagai penyedia akan melalui saringan kualiti yang sistematik sebelum modul mereka disenaraikan secara rasmi dalam Daftar Awam MQA. Langkah ini boleh memberikan nilai tambah yang tinggi terhadap pensijilan digital yang dikeluarkan, serta membuka ruang kepada pemindahan kredit akademik pada masa hadapan.

Penganjuran taklimat ini mencerminkan komitmen berterusan InQKA UiTM dalam usaha memperkukuh fungsi dalam merealisasikan inisiatif pembelajaran sepanjang hayat. Kerjasama erat bersama agensi luar ini dijangka akan terus memacu inovasi dalam sektor pendidikan berterusan seiring dengan keperluan industri negara.



Digitalisasi Akreditasi: Warga Kerja Akademik UiTM Lonjak Pemantauan Kualiti Menerusi Sistem *i-Accredit*

Noor Azwani Asyikin Samad

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Kurikulum (BHEK) telah berjaya menganjurkan Sesi Taklimat Penggunaan Sistem i-Accredit bagi Penyediaan Dokumen IQA01, IQA02, dan IQA04.

Sesi intensif selama dua (2) jam yang berlangsung menerusi platform *Google Meet* ini telah menghimpunkan seramai 460 peserta yang terdiri daripada Ketua Unit Kualiti, Ketua Pusat Pengajian (KPP), Koordinator Program, serta warga kerja BHEK seluruh kampus cawangan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Majlis telah dibuka dengan ucapan alu-aluan oleh Profesor Dr. Kamarularifin Abd Jalil, Pengarah Unit Jaminan Kualiti Akademik (AQA), yang menegaskan bahawa peralihan daripada kaedah manual kepada sistem digital i-Accredit ini merupakan langkah strategik untuk memudahkan pemantauan status permohonan, semakan dokumen, penilaian dokumen dan pengurusan bukti secara berpusat. Sesi yang penuh impak ini turut dihadiri dan disokong penuh oleh pasukan BHEK yang diketuai oleh Profesor Madya Dr. Muhammad Faizal Samat, Ketua Akdreditasi Akademik, BHEK.

Taklimat komprehensif ini telah dikendalikan secara bersama oleh tiga (3) orang Ketua Unit AQA. Berikut merupakan intipati dan fokus utama sistem yang diperincikan:

Pengenalan Sistem & Aliran Kerja

Slot pengenalan dimulakan oleh En. Abd Razak Abu Kassim, Ketua Akreditasi Program (Sains Sosial dan Kemanusian) yang memberikan penerangan ringkas namun padat mengenai asas *Sistem i-Accredit.*

Eksplorasi IQA01 & IQA02

Sesi diteruskan oleh Profesor Dr. Sheila Belayutham, Ketua Akreditasi Program (Sains dan Teknologi) melalui demonstrasi praktikal penggunaan sistem. Beliau memaklumkan bahawa walaupun kandungan instrumen IQA01, IQA02, dan IQA04 adalah berbeza, kaedah pengisian dan mekanismenya adalah seragam bagi memudahkan pengguna.

Sesi *Refreshment* IQA04 & Sasaran 2026

Profesor Madya Dr. Hadijah Iberahim, Ketua Pematuhan Kualiti Akademik mengambil alih sesi bagi memberikan refreshment pengisian IQA04 serta menghebahkan tarikh-tarikh penting bagi menjayakan proses audit pematuhan yang melibatkan 48 program terpilih untuk kitaran tahun 2026. Di samping itu, beliau juga memberikan beberapa tips penting bagi memastikan dokumen yang disediakan mencapai standard yang ditetapkan.

Penekanan utama diberikan kepada aliran kerja digital berasaskan peranan kawalan kualiti yang memerlukan pengesahan akhir daripada Ketua Jabatan. Pada masa yang sama, warga akademik turut diingatkan tentang kepentingan menguruskan bukti digital secara sahih dan selamat di dalam sistem bagi memastikan kebolehpercayaan dokumentasi yang dikemukakan.

Pelaksanaan agenda digitalisasi ini turut melibatkan pengurusan garis masa audit yang sistematik serta pematuhan kepada keperluan penilaian kendiri yang sedang dilaksanakan. Bagi mempermudah urusan di peringkat cawangan, sokongan teknikal berterusan disediakan untuk pengurusan akses pengguna, sementara penawaran program di lokasi baharu tetap tertakluk kepada kelulusan jawatankuasa tertinggi universiti sebelum proses dokumentasi digital dapat dimulakan.

Secara keseluruhannya, penganjuran taklimat ini bukan sekadar satu langkah transformasi teknikal, malah merupakan cerminan komitmen berterusan UiTM dalam memperkasakan budaya kualiti yang holistik. Melalui sinergi erat antara InQKA dan BHEK, pengoperasian sistem i-Accredit ini diyakini mampu melonjakkan standard pengurusan akademik universiti ke tahap yang lebih tinggi, sekali gus menyokong hasrat global UiTM dalam mendepani cabaran pendidikan era digital dengan lebih cekap dan lestari.

Kursus Penulisan *Self-Review Report (SRR)* 2026

Mariani Ali

Usaha memperkukuh sistem jaminan kualiti akademik memerlukan komitmen berterusan daripada seluruh warga universiti, khususnya bagi memastikan setiap program akademik memenuhi standard yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Sehubungan itu, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), melalui Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO), telah menganjurkan Kursus Penulisan *Self-Review Report (SRR)* 2026 pada 6 hingga 7 Januari 2026 di Dewan Seminar Melati Perak, Kolej Melati, UiTM Shah Alam.

SRR merupakan dokumen penting yang menggambarkan tahap pematuhan sesebuah program akademik terhadap standard jaminan kualiti. Dokumen ini bukan sahaja menjadi bukti kepada pelaksanaan sistem pengurusan akademik yang berkesan, malah berfungsi sebagai rujukan utama dalam pelaksanaan Audit iQMS oleh InQKA.

Oleh itu, penyediaan SRR yang komprehensif, tepat, dan berimpak tinggi amat penting dalam memastikan UiTM terus mengekalkan status sebagai universiti swaakreditasi yang cemerlang.

Inisiatif pembangunan kompetensi ini menghimpunkan 82 orang penulis SRR daripada pelbagai fakulti, kampus cawangan, dan pusat akademik UiTM. Penganjuran program ini bertujuan memperkukuh kefahaman peserta terhadap kaedah penyediaan laporan yang berkualiti, sistematik, dan memenuhi keperluan *Guide on Compliance Evaluation for Self-Accreditation Universities (GCESAU)* terbitan MQA.

Selain menyelaraskan amalan penulisan di pelbagai Pusat Tanggungjawab (PTj), InQKA kekal komited menyediakan latihan berterusan selaras dengan standard ISO 9001:2015 dan *Quality Assurance and Enhancement Policy (QAEP).*

Sepanjang kursus dua hari ini, peserta didedahkan dengan teknik penulisan praktikal, perkongsian pengalaman, serta perbincangan mengenai isu dan cabaran semasa. Sesi dimulakan dengan slot *Scene Setting* oleh Ts. Dr. Razulaimi Razali (Ketua Pengurusan Kualiti InQKA), diikuti sesi perbincangan interaktif yang dikendalikan oleh Profesor Madya Ts. Dr.-Ing. Shahrul Azam Abdullah (Pengarah PKIKO, InQKA).

Pengisian Bidang Utama GCESAU

Penceramah	Jawatan & Cawangan	Bidang GCESAU
Puan Siti Hajar Noor Alshurdin	Pensyarah Kanan, UiTM Cawangan Perak	*Area 1: Institutional Leadership and Governance*
Puan Sri Yusmawati Mohd Yunus	Pensyarah Kanan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan	*Area 2: Academic Development and Management*
Puan Siti Musliha Mohd Idris	Pensyarah, UiTM Cawangan Melaka	*Area 3: Talent and Resources*
Sr. Dr. Ani Saifuza Abd Shukor	Pensyarah Kanan, Fakulti Alam Bina	*Area 4: Continual Quality Improvement and Sustainability*

Setiap sesi membimbing peserta memahami keperluan setiap bidang, mengenal pasti bukti-bukti yang diperlukan, serta membina naratif pelaporan yang tersusun. Program diakhiri dengan sesi refleksi bersama Pengarah PKIKO bagi merumuskan dapatan dan hala tuju penambahbaikan. Penulisan SRR yang berkualiti bukan sekadar memenuhi keperluan audit, malah menjadi manifestasi budaya refleksi kendiri, tadbir urus yang baik, serta amalan penambahbaikan berterusan *(Continuous Quality Improvement – CQI).*

Melalui platform ini, peserta bukan sahaja memperoleh pengetahuan teknikal, malah membina jaringan kolaborasi untuk menyokong aspirasi UiTM dalam memperkukuh kecemerlangan akademik. InQKA akan terus memainkan peranan sebagai pemangkin pembangunan kapasiti warga universiti demi memastikan setiap program akademik memenuhi standard kualiti di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Taklimat Pelaksanaan Kecemerlangan Operasi (OE) 2026

Mariani Ali

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan memantapkan budaya kualiti dalam kalangan warga Universiti Teknologi MARA (UiTM), Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menganjurkan Taklimat Pelaksanaan Kecemerlangan Operasi (OE) 2026 pada 12 Februari 2026 (Khamis), yang dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian menerusi platform Google Meet. Program ini telah mendapat sambutan menggalakkan dengan penyertaan seramai 150 peserta yang mewakili pelbagai peringkat dan bahagian di seluruh universiti.

Taklimat ini dianjurkan sebagai wahana perkongsian ilmu dan panduan berkaitan pelaksanaan serta pelaporan penulisan Kecemerlangan Operasi bagi tahun 2026, sekali gus mencerminkan komitmen InQKA dalam menyelaraskan kefahaman kolektif warga universiti terhadap agenda kecemerlangan operasi yang digariskan pada peringkat institusi. Inisiatif sedemikian dilihat penting bagi memastikan keseragaman pendekatan dan interpretasi dalam pelaksanaan OE di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ).

> Kecemerlangan bukanlah pencapaian pada satu-satu tempoh sahaja, tetapi merupakan proses berterusan yang menuntut komitmen, pemahaman, serta penambahbaikan yang konsisten.

Ucapan Aluan & Sesi Utama

Program dimulakan dengan ucapan aluan oleh YBrs. Profesor Madya Ts. Dr.-Ing. Shahrul Azam Abdullah, Pengarah Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi, InQKA, yang turut menekankan kepentingan penglibatan menyeluruh warga universiti dalam menghayati semangat kecemerlangan operasi sebagai teras budaya kerja.

Sesi utama taklimat kemudiannya disampaikan oleh Puan Norina Ahmad Jamil, Koordinator Kecemerlangan Operasi dan Inovasi, InQKA, yang menghuraikan secara terperinci prosedur pelaksanaan dan penulisan pelaporan OE 2026 menerusi penggunaan sistem *Online Process Improvement Register (OPIR)* — suatu platform digital yang dibangunkan bagi mempermudah proses dokumentasi dan pemantauan inisiatif penambahbaikan proses di peringkat universiti.

Komunikasi Dua Hala Menerusi Sesi Soal Jawab

Bagi memperkukuh keberkesanan penyampaian, program turut disertakan dengan sesi soal jawab yang memberi ruang kepada peserta untuk mendapatkan penjelasan lanjut berhubung isu dan persoalan yang berbangkit sepanjang taklimat. Kewujudan ruang interaksi sedemikian bukan sahaja memperlihatkan pendekatan komunikasi dua hala yang efektif, malah turut menjadi mekanisme penting dalam memastikan maklumat berkaitan pelaksanaan OE dapat difahami secara menyeluruh dan tepat oleh semua pihak yang terlibat.

Interaksi langsung ini seterusnya menyumbang kepada peningkatan kesediaan dan keyakinan peserta dalam melaksanakan agenda Kecemerlangan Operasi 2026 di peringkat masing-masing.

Kecemerlangan Sebagai Proses Berterusan

Sesungguhnya, dalam konteks pengurusan kualiti kontemporari, kecemerlangan tidak wajar difahami semata-mata sebagai pencapaian pada suatu tempoh tertentu, sebaliknya perlu dilihat sebagai satu proses berterusan yang menuntut komitmen jitu, pemahaman mendalam, serta budaya penambahbaikan yang konsisten dan berkesinambungan.

Falsafah inilah yang menjadi asas kepada pelaksanaan OE, selari dengan prinsip kualiti sejagat yang menekankan penambahbaikan berterusan *(continuous improvement)* sebagai nadi kepada kelestarian organisasi.

Justeru, pelaksanaan OE 2026 dilihat sebagai lanjutan usaha strategik InQKA dalam membuka lebih banyak ruang kepada warga UiTM untuk memperkukuh amalan kerja, memupuk budaya inovasi, serta menyokong aspirasi kecemerlangan operasi secara holistik dan berterusan. Diharapkan perkongsian ilmu yang dilaksanakan menerusi taklimat ini akan menjadi asas kukuh kepada pelaksanaan inisiatif kecemerlangan operasi yang lebih sistematik, terancang dan berfokus, seterusnya menyumbang kepada pencapaian aspirasi kualiti UiTM secara keseluruhannya.

Taklimat Panel Penilai Kecemerlangan Operasi (OE2025)

Mariani Ali

Taklimat Panel Penilai Kecemerlangan Operasi (OE2025) UiTM telah diadakan pada 25 Februari 2026 melalui platform Google Meet. Sesi taklimat ini disampaikan oleh YBrs. Profesor Madya Ts. Dr.-Ing Shahrul Azam Abdullah, Pengarah Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi, InQKA.

Bagi memastikan penilaian dilaksanakan secara professional dan berdasarkan piawaian yang ditetapkan, seramai sepuluh (10) orang panel penilai daripada pelbagai bidang dan kepakaran telah dilantik. Panel-panel ini dipertanggungjawabkan untuk menilai proses kerja yang layak berdasarkan rubrik penilaian yang telah ditetapkan.

Penilaian OE2025 melibatkan lima puluh dua (52) proses kerja yang lengkap dan melepasi peringkat saringan dalam *Online Process Improvement Register System (OPIR).* Proses kerja tersebut merangkumi pelbagai bidang, termasuk pentadbiran, akademik dan kewangan. Kepelbagaian proses ini mencerminkan usaha penambahbaikan operasi yang menyeluruh, merangkumi pelbagai fungsi dalam ekosistem UiTM.

Sesi taklimat kepada panel penilai memainkan peranan penting dalam menyelaraskan kefahaman berkaitan skop penilaian, kaedah pemarkahan serta penggunaan maklumat yang direkodkan dalam OPIR. Penyelarasan ini bertujuan memastikan setiap penilaian dilaksanakan secara tepat, konsisten dan berpandukan bukti penambahbaikan yang dikemukakan oleh pemilik proses.

Penilaian OE2025 melalui Online Process Improvement Register System (OPIR) memberi tumpuan kepada dua aspek utama, iaitu memastikan proses kerja yang telah ditambah baik memenuhi kriteria dan piawaian penilaian yang ditetapkan, serta menilai keberkesanan penambahbaikan yang dilaksanakan secara objektif dan menyeluruh. Pendekatan ini menekankan kepentingan dokumentasi yang sistematik bagi membolehkan impak dan manfaat penambahbaikan dikenal pasti serta dinilai secara lebih berstruktur.

Selain berperanan dalam pemberian markah, panel penilai turut menyumbang kepada usaha memastikan amalan penambahbaikan operasi dinilai secara adil, telus dan selaras dengan standard yang telah ditetapkan. Dalam konteks ini, proses penilaian merupakan sebahagian daripada inisiatif InQKA untuk memperkukuh budaya kecemerlangan operasi dan penambahbaikan berterusan dalam kalangan warga UiTM.

Kesimpulannya, Taklimat Panel Penilai OE2025 menjadi landasan penting dalam memastikan penilaian penambahbaikan proses kerja melalui OPIR dilaksanakan secara terancang, sistematik dan berintegriti. Pendekatan ini selari dengan aspirasi InQKA untuk membudayakan penambahbaikan berterusan serta memperkukuh kecemerlangan operasi ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih berkualiti di Universiti Teknologi MARA (UiTM).



TAKLIMAT AUDITEE SURVEILLANCE AUDIT 1 (SV 1) ISO 9001:2015 LRQA

Ts. Syed Harun Said Mohd

Dalam usaha memastikan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Universiti Teknologi MARA (UiTM) terus diperkasa secara sistematik, berkesan dan berterusan, Taklimat Auditee bagi *Surveillance Audit 1 (SV 1) ISO 9001:2015 Lloyd's Register Quality Assurance (LRQA)* telah diadakan pada 16 Mac 2026, jam 9.00 pagi melalui *platform Google Meet.* Taklimat ini merupakan salah satu langkah persediaan penting bagi memastikan kesemua 9 Pusat Tanggungjawab (PTj) yang terlibat memahami keperluan, skop dan pendekatan audit yang akan dilaksanakan di bawah Skop Audit: Pengurusan Korporat Universiti Awam.

Sesi taklimat yang sarat dengan penerangan dan perkongsian berkaitan kesiapsiagaan audit ini telah disampaikan oleh Ir. Dr. Ruqayyah Ismail, Ketua Sistem Audit UiTM, manakala sesi berkenaan telah dimoderator oleh Ts. Syed Harun S. Mohd, Penolong Pendaftar Kanan, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA). Gandingan ini memberikan nilai tambah kepada sesi taklimat melalui penyampaian yang berstruktur serta pengurusan sesi yang teratur, sekali gus membantu auditee memperoleh gambaran yang lebih jelas mengenai persediaan yang diperlukan sebelum berlangsungnya sesi audit.

Sesi taklimat ini memberi penekanan kepada kesiapsiagaan auditee dalam menyediakan bukti objektif yang bersesuaian, selain memperjelas kaedah pengurusan dokumen dan rekod yang dapat membuktikan bahawa sesuatu proses telah dirancang, dilaksanakan, dipantau dan ditambah baik secara berterusan. Dalam konteks audit ISO 9001:2015, penyediaan bukti bukan sekadar memastikan dokumen tersedia, tetapi yang lebih penting ialah keupayaan PTj untuk menunjukkan keberkesanan pelaksanaan sesuatu proses melalui rekod, data dan tindakan yang dilaksanakan.

Bagi *Surveillance Audit 1 (SV 1)* ini, sebanyak 16 skop auditan akan dinilai, meliputi:

- *Changes to Organization or Context*
- *Management Review*
- *Management of Academic Affairs*
- *Risks & Opportunities*
- *Internal Audits*
- *Continual Improvement*
- *Provision of In-house Management System Trainings*
- *Customer Satisfaction / Feedbacks*
- *Complaint Management*
- *Logo LRQA & Accreditation Marks*
- *Corporate Communications*
- *International Liaisons*
- *Management of Examination*
- *Performance Against the Client Management System Objectives*
- *Provision of Integrated Information Centre*
- *Human Resource Development.*

Kesemua skop tersebut memperlihatkan keluasan aspek pengurusan yang perlu diberi perhatian oleh PTj, khususnya dalam memastikan setiap proses kerja mempunyai perancangan yang jelas, dokumentasi yang teratur, rekod yang sah serta mekanisme pemantauan dan penambahbaikan yang berkesan.

Justeru, auditee turut diberikan pencerahan mengenai cadangan dokumen bukti yang perlu dikenal pasti dan disediakan, antaranya rekod analisis risiko dan peluang serta tindakan yang telah diambil oleh PTj, rekod kelayakan dan latihan staf, rekod kewangan dan kos pengurusan operasi, minit atau laporan kaji semula pengurusan, rekod pencapaian KPI/PI PTj, minit mesyuarat dalaman dan luaran, rekod permohonan serta aduan berserta analisis dan tindakan susulan, rekod perancangan strategik, manual dan prosedur berkaitan proses kerja serta dokumen sokongan yang membuktikan pelaksanaan sesuatu proses.

Pendekatan berasaskan bukti ini amat penting kerana audit ISO 9001:2015 bukanlah semata-mata satu proses untuk menilai pematuhan terhadap prosedur. Sebaliknya, audit menjadi platform untuk melihat sejauh mana sistem yang dibangunkan benar-benar dilaksanakan, berfungsi dan memberikan nilai kepada organisasi. Setiap rekod yang diwujudkan perlu mempunyai hubungan yang jelas dengan proses kerja serta mampu memberikan gambaran mengenai keberkesanan tindakan yang telah dilaksanakan oleh PTj.

Dalam hal ini, auditee perlu sentiasa bersedia untuk menjawab persoalan asas audit seperti apakah yang telah dirancang, bagaimana ia dilaksanakan, apakah bukti pelaksanaannya, bagaimana keberkesanannya dinilai dan apakah tindakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan. Kefahaman terhadap perkara ini akan membantu menjadikan proses audit lebih tersusun, berfokus dan berasaskan fakta serta bukti objektif.

Lebih penting, audit perlu dilihat sebagai pemangkin kepada penambahbaikan, bukannya sekadar proses pemeriksaan atau pencarian ketidakakuran. Penemuan audit, sama ada dalam bentuk amalan baik, peluang penambahbaikan mahupun ketidakakuran, boleh dimanfaatkan oleh PTj untuk memperkukuh proses kerja dan meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan. Budaya sebegini selari dengan prinsip penambahbaikan berterusan yang menjadi antara asas penting dalam pelaksanaan ISO 9001:2015.

Sesi *Surveillance Audit 1 (SV 1) ISO 9001:2015 LRQA* seterusnya dijadualkan berlangsung pada 17 April 2026 bertempat di Bilik Mesyuarat Sidang, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin. Audit tersebut akan diketuai oleh Cik Lee Yi Yan selaku Ketua Auditor, dengan Encik Ng Tien Seong sebagai Auditor. Kehadiran barisan auditor LRQA ini merupakan satu peluang kepada UiTM untuk memperoleh penilaian profesional dan objektif terhadap keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti, khususnya dalam skop Pengurusan Korporat Universiti Awam.

Persediaan menghadapi audit bukanlah tanggungjawab pegawai kualiti semata-mata, sebaliknya merupakan komitmen bersama seluruh warga kerja yang terlibat dalam pelaksanaan proses. Setiap rekod yang diselenggara, setiap keputusan yang direkodkan, setiap aduan yang ditangani serta setiap tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan merupakan sebahagian daripada gambaran budaya kualiti yang diamalkan oleh organisasi.

Sesungguhnya, audit bukanlah noktah kepada perjalanan kualiti, tetapi merupakan cerminan yang membantu organisasi menilai sejauh mana sistem yang dibangunkan benar-benar berfungsi, memberi nilai dan mampu dipertingkatkan. Dengan persediaan yang rapi, dokumentasi yang tersusun serta komitmen bersepadu daripada semua PTj, UiTM terus melangkah ke hadapan dalam memperkukuh budaya kualiti, kecemerlangan tadbir urus dan amalan penambahbaikan berterusan.

“Kualiti dibuktikan melalui tindakan, diperkukuh melalui sistem dan diteruskan melalui penambahbaikan.”



TAKLIMAT PANEL AUDIT *INTEGRATED QUALITY MANAGEMENT SYSTEM (iQMS)* 2026

Mariani Ali

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menganjurkan Taklimat Panel Audit *Integrated Quality Management System (iQMS)* secara dalam talian pada 14 April 2026. Penganjuran taklimat ini menjadi wadah penting dalam memperkukuh kefahaman dan kesiapsiagaan 67 orang panel auditor bagi melaksanakan Audit iQMS Kitaran 8 Tahun 2026. Khususnya, taklimat ini memfokuskan kepada keperluan audit serta penambahbaikan dalam penyediaan dan penulisan laporan audit.

Taklimat ini telah disampaikan oleh Ts. Dr. Razulaimi Razali, Ketua Pengurusan Kualiti, yang berkongsi panduan dan penjelasan berkaitan pelaksanaan Audit iQMS Kitaran 8 Tahun 2026. Perkongsian tersebut memberi penekanan kepada kepentingan keseragaman kefahaman dalam kalangan panel auditor agar proses penilaian dapat dilaksanakan secara objektif, konsisten, dan berasaskan bukti.

Melalui sesi perkongsian dan penyelarasan maklumat, panel auditor diperkasa dengan kefahaman yang lebih jelas tentang skop audit, tatacara pelaksanaan, serta kaedah mendapatkan dan menilai bukti. Selain itu, tanggungjawab panel sepanjang proses audit turut diperjelaskan dengan terperinci. Pendekatan yang sistematik ini bukan sahaja membantu menilai tahap pematuhan Pusat Tanggungjawab (PTj), malah membuka ruang untuk mengenal pasti kekuatan, jurang, dan peluang penambahbaikan bagi memperkukuh keberkesanan sistem pengurusan kualiti.

Keberkesanan audit bukan sekadar bergantung pada ketepatan semakan dokumen dan pematuhan terhadap keperluan yang ditetapkan, tetapi turut dipengaruhi oleh keupayaan panel auditor menilai proses secara menyeluruh, profesional, dan berobjektif.

Oleh itu, kompetensi, integriti, dan sikap profesional menjadi asas penting bagi memastikan setiap penemuan audit dapat memberikan nilai tambah kepada PTj serta menyokong usaha penambahbaikan yang berterusan.

Secara keseluruhannya, taklimat ini bukan sekadar sesi penyampaian maklumat, malah menjadi landasan penting dalam memperkukuh kesiapsiagaan pengetahuan dan menyelaraskan pendekatan panel auditor sebelum melaksanakan tanggungjawab secara profesional dan berintegriti. Keseragaman kefahaman yang dibentuk diharapkan dapat menyokong pelaksanaan audit yang lebih tersusun, telus, dan berkesan di seluruh UiTM.

Usaha ini selaras dengan aspirasi universiti untuk memperkukuh sistem pengurusan kualiti serta memastikan budaya kecemerlangan dan penambahbaikan berterusan terus diterapkan dalam setiap proses dan perkhidmatan.

“Audit yang berkesan bukan sekadar menilai pematuhan, tetapi membuka ruang kepada penambahbaikan dan kecemerlangan yang berterusan.”

“Audit yang berkesan bukan sekadar menilai pematuhan, tetapi membuka ruang kepada penambahbaikan dan kecemerlangan yang berterusan.”



AUDIT SURVEILLANCE 1 (SV1) ISO 9001:2015

Ts. Syed Harun Said Mohd







Pada 17 April 2026, telah berlangsung Audit Surveillance 1 (SV1) ISO 9001:2015 susulan daripada Pensijilan Semula ISO 9001:2015 bagi skop Pengurusan Korporat Universiti Awam. Auditan ini melibatkan sembilan (9) Pusat Tanggungjawab (PTj) merangkumi enam belas (16) skop auditan.

Sesi pembukaan telah disempurnakan oleh YBrs. Profesor Dr. Yamin Yasin, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), yang turut mewakili Naib Canselor UiTM. Hadir sama, barisan Pengurusan Eksekutif UiTM, Penolong Naib Canselor serta auditee daripada sembilan (9) PTj yang terlibat.

Berdasarkan rumusan penutupan audit yang disampaikan oleh Cik Lee Yi Yan selaku Ketua Auditor, beliau memaklumkan bahawa Universiti Teknologi MARA (UiTM) berjaya memperoleh audit bersih serta terus mengekalkan Sijil Pensijilan ISO 9001:2015.

Sementara itu, YBrs. Profesor Dr. Yamin Yasin, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), mewakili Naib Canselor UiTM, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak auditor serta *auditee* yang telah memberikan komitmen penuh dan kerjasama cemerlang sepanjang sesi auditan berlangsung.

TAKLIMAT PERSEDIAAN PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTj) BAGI PELAKSANAAN AUDIT *INTEGRATED QUALITY MANAGEMENT SYSTEM (iQMS)* KITARAN 8 TAHUN 2026

Mariani Ali

Pada 28 April 2026, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menganjurkan Taklimat Persediaan Pusat Tanggungjawab (PTj) bagi Pelaksanaan Audit *Integrated Quality Management System (iQMS)* Kitaran 8 Tahun 2026 secara dalam talian melalui platform Google Meet. Taklimat ini telah disampaikan oleh Ts. Dr. Razulaimi Razali, Ketua Pengurusan Kualiti InQKA, dan melibatkan penyertaan 20 Pusat Tanggungjawab (PTj) UiTM.

Taklimat ini merupakan inisiatif strategik InQKA untuk memperkukuh kesiapsiagaan PTj dalam menghadapi pelaksanaan Audit iQMS Kitaran 8 pada tahun 2026. Sesi ini memberi penekanan kepada keperluan persediaan sebelum, semasa, dan selepas audit, termasuk aspek dokumentasi, penyediaan bukti, pengurusan rekod, serta penyelarasan tanggungjawab di peringkat PTj. Selain menyampaikan maklumat berkaitan keperluan audit, taklimat ini turut menjadi platform yang berkesan untuk menyeragamkan kefahaman Ketua Unit Kualiti, Ketua Unit Kualiti dan Akreditasi, serta wakil PTj. Keseragaman ini amat penting bagi memastikan persediaan audit dilaksanakan secara sistematik, tersusun, dan selaras dengan skop serta keperluan yang ditetapkan.

Pelaksanaan Audit iQMS bukan sekadar memenuhi keperluan audit, malah ia menjadi instrumen untuk menilai keberkesanan proses kerja, mengenal pasti ruang penambahbaikan, dan memperkukuh penyampaian perkhidmatan universiti. Oleh itu, persediaan yang rapi dapat menyokong usaha PTj dalam membudayakan penambahbaikan berterusan, di samping memperkukuh sistem pengurusan kualiti UiTM.

Penganjuran taklimat ini mencerminkan komitmen berterusan InQKA dalam menyediakan panduan dan sokongan kepada PTj ke arah pelaksanaan audit yang lebih terancang dan berkesan. Kerjasama erat antara InQKA dan PTj diharapkan dapat terus memperkukuh budaya kualiti serta menyumbang kepada kecemerlangan dan kelestarian institusi.

“Kualiti bukan sekadar memenuhi keperluan audit, tetapi merupakan budaya, tanggungjawab dan komitmen bersama ke arah kecemerlangan berterusan.”



SIRI WEBINAR KIK 2026
PERKASA KOMPETENSI PENGGIAT KIK UiTM

Noorzata Amni Mohd Hamim

Siri Webinar Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2026 telah dilaksanakan sebagai salah satu inisiatif dalam memperkukuh pengetahuan, kemahiran dan kompetensi penggiat KIK Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Siri webinar yang dilaksanakan secara dalam talian melalui platform Google Meet ini merangkumi sembilan modul yang memberikan pendedahan menyeluruh berkaitan pengurusan, pembangunan, penambahbaikan dan pembentangan projek KIK.

Program dimulakan pada 10 Februari 2026 dengan Taklimat KIK 2026 yang disampaikan oleh Dr. Nik Azlin Nik Ariffin, Ketua Kecemerlangan Operasi dan Inovasi diikuti KIK Modul 1: Pengenalan KIK. Sesi ini memberikan gambaran menyeluruh mengenai hala tuju dan pelaksanaan KIK 2026, di samping memperkukuh pemahaman peserta terhadap konsep, fungsi dan peranan KIK dalam membudayakan inovasi serta penambahbaikan berterusan di UiTM.

Pada 24 Februari 2026, peserta mengikuti KIK Modul 2: Pengenalan Projek KIK oleh Dr. Mohd Faizal Jamaludin dan KIK Modul 3: Dokumentasi dan Penilaian Projek KIK oleh Ustaz Husaini Ab Razab. Kedua-dua modul memberi penekanan kepada proses mengenal pasti isu, menentukan skop projek serta menyediakan dokumentasi dan penilaian projek secara sistematik bagi memastikan hasil inovasi dapat dibuktikan dan dinilai dengan berkesan.

Siri webinar diteruskan pada 10 Mac 2026 menerusi KIK Modul 4: Intervensi Projek KIK – PDCA yang disampaikan oleh Encik Mohd Risham Jaafar, serta KIK Modul 5: *Design Thinking* (DT) oleh Prof. Sr Dr. Thuraiya Mohd. Pendedahan kepada pendekatan PDCA dan Design Thinking membantu peserta meneroka kaedah penyelesaian masalah secara lebih tersusun, kreatif dan berorientasikan keperluan pihak berkepentingan.

Pada 12 Mei 2026, peserta mengikuti KIK Modul 6: *Blue Ocean Strategy* (BOS) yang disampaikan oleh Puan Azura Abdul Jamil @ Kamarudzzaman, diikuti KIK Modul 7: Teknik Pengembangan Projek KIK UiTM oleh Encik Al-Bakri Mohamad@Ahmad.

Kedua-dua modul ini memberi penekanan kepada penciptaan nilai baharu, penerokaan peluang inovasi serta strategi pengembangan projek agar hasil inovasi mempunyai potensi untuk diperluaskan dan memberikan impak yang lebih signifikan kepada organisasi.

Siri webinar seterusnya diadakan pada 9 Jun 2026 dengan KIK Modul 8: Harta Intelek dan Hak Cipta yang disampaikan oleh Dr. Siti Aishah Mohamad. Modul ini memberikan kesedaran mengenai kepentingan melindungi hasil inovasi dan kreativiti yang dihasilkan melalui projek KIK, di samping meningkatkan kefahaman peserta terhadap aspek pengurusan dan perlindungan harta intelek.

Siri ini turut dilengkapkan dengan KIK Modul 9: Pembentangan Projek KIK yang disampaikan oleh Sr. Dr. Nur Lesya Firsya Johaimi Ling. Modul terakhir ini memberi fokus kepada persediaan dan kaedah pembentangan projek secara berkesan, termasuk penyampaian idea, hasil inovasi dan impak projek kepada pihak penilai serta organisasi.

Secara keseluruhannya, Siri Webinar KIK 2026 telah menyediakan platform pembelajaran yang komprehensif dalam memperkasa penggiat KIK dengan pengetahuan, kaedah dan teknik yang relevan bagi menghasilkan projek yang lebih tersusun, kreatif, inovatif dan berimpak.

Kesinambungan ilmu daripada setiap modul turut membantu membentuk ekosistem KIK yang lebih dinamik serta menyokong usaha membudayakan inovasi dan penambahbaikan berterusan di UiTM.


Diharapkan pengisian yang diperoleh sepanjang siri webinar ini dapat diterjemahkan melalui penghasilan projek KIK yang berkualiti, mempunyai nilai tambah serta mampu memberikan manfaat yang signifikan kepada universiti dan pihak berkepentingan.


Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua penceramah serta penggiat KIK yang telah menjayakan Siri Webinar KIK 2026.



Senarai webinar komprehensif untuk memperkasa penggiat KIK UiTM

10 Febuari 2026	**Taklimat KIK 2026** Dr. Nik Azlin Nik Ariffin
10 Febuari 2026	**KIK Modul 1:** **Pengenalan KIK** Dr. Nik Azlin Nik Ariffin
24 Febuari 2026	**KIK Modul 2:** **Pengenalan Projek KIK** Dr. Mohd Faizal Jamaludin
24 Febuari 2026	**KIK Modul 3:** **Dokumentasi dan Penilaian Projek KIK** oleh Ustaz Husaini Ab Razab
10 Mac 2026	**KIK Modul 4:** **Intervensi Projek KIK – PDCA** Encik Mohd Risham Jaafar
10 Mac 2026	**KIK Modul 5:** ***Design Thinking (DT)*** Prof. Sr Dr. Thuraiya Mohd
12 Mei 2026	**KIK Modul 6:** ***Blue Ocean Strategy (BOS)*** Puan Azura Abdul Jamil @ Kamarudzzaman
12 Mei 2026	**KIK Modul 7:** **Teknik Pengembangan Projek KIK UiTM** Encik Al-Bakri Mohamad@Ahmad
9 Jun 2026	**KIK Modul 8:** **Harta Intelek dan Hak Cipta** Dr. Siti Aishah Mohamad
9 Jun 2026	**KIK Modul 9:** **Pembentangan Projek KIK** Sr. Dr. Nur Lesya Firsya Johaimi Ling













KURSUS PENULISAN DOKUMENTASI PELAPORAN KIK HB 4.0

Noorzata Amni Mohd Hamim

Kursus Penulisan Dokumentasi Pelaporan KIK HB 4.0 telah dilaksanakan pada 8 Jun 2026, dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang, sebagai usaha memperkukuh kemahiran penggiat Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dalam menghasilkan dokumentasi pelaporan projek yang sistematik, jelas dan berkesan.

Kursus ini disampaikan oleh Dr. Mohd Faizal Jamaludin, Pakar Rujuk KIK UiTM dari UiTM Cawangan Kedah, yang berkongsi kepakaran serta pengalaman berkaitan kaedah penyediaan dokumentasi projek berdasarkan keperluan KIK Horizon Baharu (HB) 4.0.

Seramai 40 orang peserta telah menyertai kursus ini dengan kehadiran penuh, mencerminkan komitmen tinggi penggiat KIK dalam meningkatkan kompetensi dan kualiti pelaporan projek.

Sepanjang kursus, peserta diberikan pendedahan berkaitan kaedah penulisan, penyusunan maklumat serta penyampaian hasil dan impak projek secara lebih tersusun dan berkesan.

Penekanan terhadap dokumentasi yang berkualiti penting bagi memastikan proses, pencapaian dan keberhasilan sesuatu projek KIK dapat direkodkan serta diketengahkan dengan jelas.

Perkongsian ilmu dan pengalaman oleh Dr. Mohd Faizal turut memberikan nilai tambah kepada peserta dalam memperkemas dokumentasi projek masing-masing agar lebih berfokus, informatif dan menepati keperluan pelaporan KIK HB 4.0.

Secara keseluruhannya, kursus ini dapat meningkatkan keupayaan penggiat KIK dalam menghasilkan dokumentasi pelaporan yang berkualiti, sekali gus menyokong usaha memperkukuh budaya inovasi dan penambahbaikan berterusan di UiTM.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua peserta atas komitmen dan kehadiran penuh, serta penghargaan kepada Dr. Mohd Faizal Jamaludin atas perkongsian ilmu dan kepakaran yang diberikan.



INOVASI SPECIFILL SERLAH DALAM PODCAST EXELLENS, KUMPULAN LUMINOUS CETUS INSPIRASI KE ARAH KEJUARAAN

Ts. Syed Harun Said Mohd

Kejayaan Johan Konvensyen KIK UiTM 2025 dikongsi menerusi platform podcast baharu InQKA, raih 549 tontonan

Bermula daripada usaha menangani cabaran keselamatan dalam pengurusan sisa spesimen di makmal, SpeciFill kini menjadi contoh inovasi berimpak yang diketengahkan menerusi Podcast Exellens, terbitan Institut Kualiti dan Pengurusan Akademik (InQKA).

Buat julung kalinya, Podcast Exellens menampilkan Kumpulan Luminous, Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) bagi berkongsi perjalanan inovasi serta pengalaman mereka sehingga dinobatkan sebagai Johan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat UiTM 2025.

Sesi selama satu jam yang disiarkan menerusi saluran YouTube InQKA itu meraih 549 tontonan dan dikendalikan oleh Ts. Siti Fatahiyah Mahamood, Ketua Kecemerlangan Operasi dan Inovasi, InQKA selaku moderator, bersama Dr. Mardiana Abdul Aziz, Penasihat Strategik Kumpulan Luminous, dan Sari Aspara Bakri, Ketua Projek SpeciFill, sebagai panel jemputan.

Dalam suasana santai dan interaktif, Kumpulan Luminous berkongsi pengalaman mereka bermula daripada mengenal pasti permasalahan, mencetuskan idea dan membangunkan SpeciFill, hinggalah mengharungi cabaran sebelum mencapai kejayaan di pentas KIK UiTM.

SpeciFill: Daripada Masalah kepada Inovasi Berimpak

SpeciFill dibangunkan bagi meningkatkan keselamatan dan kecekapan pengurusan sisa spesimen di makmal. Inovasi ini membuktikan bahawa penyelesaian berimpak boleh bermula daripada kepekaan terhadap permasalahan sebenar di tempat kerja.

Kejayaan Kumpulan Luminous turut memperlihatkan kepentingan kreativiti, kerja berpasukan, kolaborasi dan keberanian mencuba dalam menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambah kepada organisasi.



Podcast Exellens Semarakkan Budaya Inovasi

Penganjuran Podcast Exellens menjadi pendekatan baharu InQKA dalam menyampaikan perkongsian kecemerlangan secara lebih santai, interaktif dan mudah diakses. Platform ini turut membuka ruang untuk kisah kejayaan para juara KIK UiTM dikongsi sebagai sumber inspirasi kepada warga universiti.

Melalui perkongsian Kumpulan Luminous, warga UiTM digalakkan untuk mengenal pasti ruang penambahbaikan, mencabar kebiasaan dan berani mencetuskan idea yang mampu memberi impak kepada organisasi.

Inisiatif ini diharapkan dapat terus menyemarakkan budaya inovasi dan kecemerlangan dalam kalangan PTj UiTM, sekali gus melahirkan lebih banyak idea bernilai, inovasi berimpak dan juara baharu.

SpeciFill membuktikan bahawa idea yang lahir daripada permasalahan sebenar mampu membawa perubahan. Kini, lebih banyak idea dan inovasi wajar diketengahkan demi memperkukuh budaya kecemerlangan UiTM.

PODCAST EXCELLENS: MENYINGKAP RAHSIA KEJAYAAN JUARA AKNC 2025

Ts. Syed Harun Said Mohd

Pada 5 Jun 2026, saluran YouTube InQKA telah menampilkan Podcast Excellens yang menghimpunkan tiga panel jemputan daripada kategori juara Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2025.

Sesi ini menampilkan Ts. Haji Azizi Haji Jantan, Ketua Pustakawan, Jabatan Perpustakaan, selaku Juara Kategori Jabatan; Tuan Syed Ashrene Syed Omar, Timbalan Dekan (HEP), Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, selaku Juara Kategori Fakulti; serta Profesor Sr. Dr. Thuraiya Mohd, Ketua Unit Kualiti, UiTM Cawangan Perak, yang mewakili Juara Kategori Kampus.

Sesi yang dikendalikan oleh Prof. Madya Ts. Dr.-Ing. Shahrul Azam Abdullah, Pengarah Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (InQKA) selaku moderator ini mendapat sambutan menggalakkan dengan jumlah 1,249 tontonan di YouTube.

Perkongsian daripada ketiga-tiga panel mengetengahkan pelbagai tip dan pengalaman berkaitan penyediaan laporan *AKNC, pemilihan Area of Focus (AoF),* persediaan menghadapi penilaian serta pembudayaan kecemerlangan dalam organisasi. Perkongsian turut memberikan gambaran tentang strategi, pendekatan dan amalan terbaik yang dilaksanakan oleh PTj sehingga berjaya mencapai kejayaan dalam AKNC 2025.

Sesi ini bukan sahaja menjadi platform perkongsian pengalaman daripada para juara, malah memberikan panduan dan inspirasi kepada warga UiTM untuk memahami faktor yang menyumbang kepada kejayaan sesebuah PTj dalam pelaksanaan dan penilaian AKNC.

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada semua panel jemputan atas kesudian berkongsi pengalaman, strategi dan amalan terbaik yang telah menyumbang kepada kejayaan masing-masing dalam AKNC 2025. Semoga perkongsian ini terus menjadi inspirasi dan pemangkin kepada seluruh PTj UiTM untuk memperkukuh budaya kualiti, meningkatkan prestasi serta mencapai kecemerlangan secara berterusan.









WEBINAR AKNC 2025
KRITERIA 1: KEPIMPINAN
KRITERIA 2: PERANCANGAN STRATEGIK

Ts. Syed Harun Said Mohd



Encik Abd Razak Abu Kassim
Pakar Rujuk AKNC



Ts. Syed Harun S. Mohd
Moderator

Kepimpinan yang jelas membentuk hala tuju, manakala perancangan strategik menterjemahkan hala tuju tersebut kepada tindakan yang tersusun dan berimpak. Berpaksikan prinsip inilah, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) terus memperkukuh usaha membudayakan kecemerlangan melalui penganjuran Webinar Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2025 bagi Kriteria 1: Kepimpinan dan Kriteria 2: Perancangan Strategik.

Berlangsung pada 6 April 2026, webinar ini menjadi platform penting dalam memberikan pencerahan dan pemantapan kefahaman kepada warga kerja Universiti Teknologi MARA (UiTM), khususnya pasukan penulis laporan AKNC di seluruh sistem universiti. Program yang dilaksanakan secara dalam talian melalui platform Google Meet itu mendapat sambutan amat menggalakkan dengan penyertaan seramai 891 orang warga kerja UiTM.

Sesi perkongsian dikendalikan oleh Encik Abd Razak Abu Kassim, Ketua Akreditasi Program (Sains Sosial dan Kemanusian), Pakar Rujuk AKNC, manakala Ts. Syed Harun S. Mohd, Penolong Pendaftar Kanan, InQKA, bertindak sebagai moderator. Kesinambungan kedua-dua kriteria dalam satu sesi menjadikan perkongsian lebih bermakna kerana peserta dapat melihat hubungan erat antara peranan kepimpinan dengan perancangan strategik dalam membentuk kecemerlangan sesebuah organisasi.

Memahami Kepimpinan Sebagai Pemacu Kecemerlangan

Bagi **Kriteria 1: Kepimpinan**, penekanan diberikan kepada keupayaan kepimpinan organisasi dalam menentukan hala tuju, menyampaikan aspirasi serta menggerakkan warga kerja untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Dalam konteks pelaporan AKNC, aspek kepimpinan tidak seharusnya diterjemahkan sekadar melalui pernyataan mengenai peranan atau tanggungjawab pemimpin. Sebaliknya, penulisan perlu memperlihatkan bagaimana kepimpinan tersebut diterjemahkan melalui pendekatan, tindakan, penglibatan warga serta pencapaian yang dapat dibuktikan.

Peserta turut diberikan kefahaman tentang kepentingan membina naratif yang mempunyai kesinambungan antara tindakan kepimpinan dengan keberhasilan organisasi. Pendekatan ini membolehkan kekuatan kepimpinan sesebuah PTj digambarkan dengan lebih jelas, tersusun dan berasaskan bukti.

Daripada Hala Tuju Kepada Perancangan Strategik

Perbincangan kemudiannya membawa peserta kepada **Kriteria 2: Perancangan Strategik,** yang merupakan kesinambungan semula jadi daripada aspek kepimpinan.

Perancangan strategik menjadi landasan penting untuk memastikan aspirasi dan hala tuju organisasi tidak terhenti pada pernyataan visi dan misi semata-mata, sebaliknya diterjemahkan kepada objektif, strategi, tindakan serta pencapaian yang boleh diukur.

Dalam sesi ini, peserta diberikan penerangan berkaitan definisi dan kepentingan perancangan strategik, di samping pencerahan terhadap panduan penulisan kriteria, kaedah penyediaan naratif, rubrik penilaian serta kaedah memasukkan penulisan ke dalam sistem iAKNC.

Penekanan turut diberikan terhadap kepentingan memulakan proses penulisan lebih awal. Pengumpulan data, bukti dan maklumat yang relevan perlu dilaksanakan secara sistematik agar penulisan yang dihasilkan bukan sahaja lengkap, malah mampu menggambarkan pencapaian sebenar PTj.

ADLI, PDCA dan 4W1H Memperkukuh Naratif

Antara pengisian penting yang diketengahkan ialah penggunaan pendekatan ADLI *(Approach, Deployment, Learning and Integration)* dan PDCA *(Plan, Do, Check, Act)* dalam penyediaan pelaporan.

Pendekatan ini membantu penulis menyusun maklumat dengan lebih teratur — bermula daripada pendekatan yang dirancang, pelaksanaan, pembelajaran yang diperoleh serta bagaimana amalan tersebut diintegrasikan dalam pengurusan organisasi.

Selain itu, kaedah 4W1H (What, Why, When, Where dan How) turut diberikan perhatian sebagai panduan dalam membina naratif yang jelas dan berfokus.

Penggunaan pendekatan ini membantu memastikan penulisan tidak sekadar menjawab apa yang dilakukan, tetapi turut menjelaskan mengapa ia dilakukan, bagaimana ia dilaksanakan dan apakah hasil yang diperoleh.

Memahami Rubrik, Memperkukuh Bukti

Satu lagi aspek penting yang diberikan penekanan ialah kefahaman terhadap rubrik penilaian dan pemberat bagi setiap komponen.

Pemahaman terhadap rubrik membolehkan penulis mengenal pasti perkara yang perlu diberikan penekanan serta menyusun penulisan berdasarkan keperluan penilaian. Pada masa yang sama, setiap naratif perlu disokong oleh bukti yang bersesuaian agar pencapaian yang diketengahkan dapat dibuktikan secara kukuh.

Peserta turut digalakkan memanfaatkan maklum balas penilai AKNC daripada tahun-tahun sebelumnya sebagai sumber pembelajaran dan penambahbaikan. Pendekatan ini dapat membantu pasukan penulis mengenal pasti kekuatan serta ruang penambahbaikan dalam penyediaan pelaporan akan datang.

Menjadikan Pelaporan Sebagai Cerminan Kecemerlangan

Sesi webinar yang berlangsung secara interaktif turut membuka ruang kepada peserta untuk mengemukakan persoalan dan mendapatkan penjelasan secara langsung daripada pakar rujuk. Perbincangan dua hala ini membantu memperjelas pelbagai aspek berkaitan penyediaan laporan, khususnya dalam memastikan penulisan yang dihasilkan benar-benar menepati kehendak Kriteria 1 dan Kriteria 2.

Secara keseluruhannya, webinar ini bukan sekadar memberikan panduan teknikal berkaitan penulisan laporan AKNC, tetapi turut memperkukuh pemahaman bahawa kepimpinan dan perancangan strategik merupakan dua elemen yang saling melengkapi dalam membina kecemerlangan organisasi.

Kepimpinan menentukan hala tuju. Perancangan strategik menyusun perjalanan. Pelaksanaan menggerakkan usaha, manakala pencapaian menjadi bukti kepada keberkesanan strategi yang dilaksanakan. Dengan penyertaan seramai 891 warga kerja UiTM, penganjuran webinar ini mencerminkan komitmen berterusan InQKA dalam memperkasa kompetensi warga universiti serta memperkukuh budaya kualiti dan kecemerlangan di seluruh sistem UiTM.

Lebih penting, ilmu yang dikongsikan diharapkan dapat diterjemahkan dalam penyediaan laporan AKNC yang lebih tersusun, strategik, berasaskan bukti dan mampu menyerlahkan pencapaian sebenar setiap PTj.

Sesungguhnya, laporan yang berkualiti bukan sekadar menceritakan apa yang telah dilakukan, tetapi mampu membuktikan bagaimana kepimpinan dan strategi telah menghasilkan kecemerlangan yang memberi nilai kepada organisasi.

WEBINAR AKNC 2025

Kriteria 3: Tumpuan kepada Pelanggan
Kriteria 4: Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan

Ts. Syed Harun Said Mohd

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) terus memperkukuh usaha memperkasa warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) melalui penganjuran Webinar Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2025 yang memberi tumpuan kepada Kriteria 3: Tumpuan kepada Pelanggan dan Kriteria 4: Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.





Sesi webinar telah dikendalikan oleh Ts. Syed Harun S. Mohd, Penolong Pendaftar Kanan, InQKA selaku moderator, manakala Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.

Berlangsung secara dalam talian menerusi platform Google Meet, webinar ini mendapat sambutan menggalakkan dengan penyertaan seramai 502 orang warga kerja UiTM dari seluruh sistem universiti. Perkongsian utama disampaikan oleh Puan Hairani Wahab, Pakar Rujuk AKNC. Penggabungan kedua-dua kriteria dalam satu sesi memberikan peserta perspektif yang lebih menyeluruh tentang hubungan antara keperluan pelanggan, pengukuran prestasi, analisis data dan usaha penambahbaikan organisasi.

Memahami Keperluan Pelanggan

Kriteria 3: Tumpuan kepada Pelanggan

Peserta diberikan pencerahan mengenai kepentingan memahami keperluan dan jangkaan pelanggan serta menterjemahkannya melalui pendekatan penyampaian perkhidmatan yang berkesan.

Antara perkara yang diketengahkan ialah lima elemen utama dalam penyediaan penulisan, iaitu Ringkasan Eksekutif, Pendekatan, Perluasan, Pembelajaran dan Integrasi.

Melalui elemen-elemen ini, PTj dapat menggambarkan dengan lebih jelas bagaimana sesuatu inisiatif dirancang dan dilaksanakan, diperluaskan kepada kumpulan sasaran, dinilai keberkesanannya serta ditambah baik berdasarkan pengalaman dan maklum balas yang diterima.

Penekanan turut diberikan kepada kepentingan penglibatan pelanggan dan penggunaan maklumat secara sistematik. Maklum balas pelanggan bukan sekadar direkodkan, malah perlu dianalisis dan dimanfaatkan sebagai input dalam proses penambahbaikan.

Penggunaan kitaran PDCA (Plan, Do, Check, Act) turut diberikan perhatian bagi membantu PTj memastikan setiap tindakan yang dirancang dapat dipantau, dinilai dan ditambah baik secara berterusan.

Mengukur Untuk Menambah Baik

Kriteria 3: Kriteria 4: Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan

Webinar kemudiannya beralih kepada Kriteria 4: Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan, yang memberi penekanan terhadap kepentingan data dan maklumat dalam menyokong pengurusan organisasi.

Peserta diberikan panduan berkaitan pemilihan data yang bersesuaian, kaedah pengukuran serta penyediaan analisis yang mampu memperlihatkan hubungan antara pencapaian, prestasi dan tindakan penambahbaikan.

Dalam penyediaan laporan AKNC, data yang diketengahkan perlu mempunyai tujuan yang jelas dan disokong oleh bukti yang relevan. Data bukan sekadar angka untuk memenuhi keperluan laporan, sebaliknya perlu digunakan bagi membantu organisasi memahami prestasi, mengenal pasti jurang dan membuat keputusan yang lebih tepat.

Kaedah 3W1H – Why, Who, When dan How turut dikongsikan sebagai panduan untuk membantu penulis membina naratif yang lebih jelas, terarah dan berfokus.

Penulisan Berasaskan Bukti

Sepanjang sesi, peserta turut diberikan pencerahan mengenai kepentingan memahami rubrik penilaian serta menyediakan penulisan berdasarkan bukti yang kukuh dan bersesuaian.

Peserta diingatkan agar proses penulisan dan pengumpulan bukti dimulakan lebih awal supaya data, maklumat serta pencapaian PTj dapat disusun secara sistematik.

Pendekatan ini bukan sahaja membantu menghasilkan laporan yang lebih tersusun, malah memastikan setiap pernyataan yang dikemukakan dapat disokong dengan bukti yang mampu memperlihatkan keberkesanan dan impak sesuatu inisiatif.

Daripada Pelanggan kepada Pengetahuan

Menariknya, Kriteria 3 dan Kriteria 4 mempunyai kesinambungan yang jelas. Maklum balas pelanggan menjadi sumber maklumat, data pula menjadi asas pengukuran, analisis memberikan kefahaman, manakala pengetahuan membantu organisasi menentukan tindakan penambahbaikan.

Kesinambungan ini memperlihatkan bahawa kecemerlangan organisasi tidak hanya bergantung kepada pelaksanaan aktiviti, tetapi turut dipengaruhi oleh keupayaan organisasi untuk mendengar, mengukur, menganalisis, belajar dan bertindak.

Sesi perkongsian turut berlangsung secara interaktif menerusi sesi soal jawab, yang memberikan peluang kepada peserta mendapatkan penjelasan secara langsung berkaitan aspek penulisan dan penilaian AKNC.



Memperkukuh Budaya Kecemerlangan

Secara keseluruhannya, webinar ini telah memberikan nilai tambah kepada 502 peserta dalam memperkukuh kefahaman terhadap keperluan penyediaan pelaporan bagi Kriteria 3 dan Kriteria 4.

Perkongsian ilmu yang disampaikan oleh Puan Hairani Wahab serta pengendalian sesi oleh Ts. Syed Harun S. Mohd turut memperlihatkan komitmen berterusan InQKA dalam memperkasakan kompetensi warga UiTM dalam penyediaan pelaporan AKNC yang berkualiti.

Lebih daripada sekadar menghasilkan laporan, penguasaan kedua-dua kriteria ini diharapkan dapat membantu PTj membina budaya kerja yang lebih berorientasikan pelanggan, berasaskan data, berpandukan bukti dan berteraskan penambahbaikan berterusan.

Daripada suara pelanggan kepada data, daripada data kepada pengetahuan, dan daripada pengetahuan kepada tindakan — inilah perjalanan yang membentuk kecemerlangan organisasi.



WEBINAR ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC) 2025 KRITERIA 5 DAN KRITERIA 6

Ts. Syed Harun Said Mohd

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menganjurkan Webinar AKNC 2025 yang memberi tumpuan kepada Kriteria 5: Tumpuan kepada Sumber Manusia dan Kriteria 6: Tumpuan kepada Operasi secara dalam talian melalui platform Google Meet. Program yang mendapat penyertaan seramai 612 warga UiTM ini bertujuan memperkukuh kefahaman peserta dalam penyediaan pelaporan AKNC yang berkualiti, sistematik dan berasaskan bukti.

Sesi webinar telah dikendalikan oleh Ts. Syed Harun S. Mohd, Penolong Pendaftar Kanan, InQKA, manakala perkongsian bagi Kriteria 5 disampaikan oleh Puan Jufiza A. Wahab, Pakar Rujuk AKNC, dan Kriteria 6 oleh Dr. Shatina Saad, Pakar Rujuk AKNC.

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

Perkongsian memberi penekanan kepada aspek perancangan, pengurusan, pembangunan dan penghargaan sumber manusia secara sistematik bagi menyokong pencapaian visi, misi dan matlamat organisasi. Pengurusan sumber manusia yang berkesan bukan sahaja memenuhi keperluan organisasi, malah berupaya meningkatkan motivasi, produktiviti, kompetensi dan kesejahteraan warga kerja.

Peserta turut didedahkan kepada pendekatan ADLI *(Approach, Deployment, Learning and Integration)* dan PDCA (Plan, Do, Check, Act) sebagai panduan dalam memperlihatkan keberkesanan pendekatan serta usaha penambahbaikan yang dilaksanakan. Penggunaan elemen 5W1H *(What, Why, Who, When, Where dan How)* turut ditekankan bagi membantu penulis menghasilkan pelaporan yang jelas, lengkap dan tersusun.

KRITERIA 6: TUMPUAN KEPADA OPERASI

Perkongsian Kriteria 6: Tumpuan kepada Operasi memberi fokus kepada kaedah menghasilkan penulisan yang ringkas, padat, strategik dan menepati kehendak kriteria penilaian. Peserta diberi penekanan bahawa proses operasi perlu diterjemahkan dalam bentuk naratif yang jelas, bukan sekadar menyenaraikan aktiviti yang dilaksanakan.

Dalam penyediaan pelaporan Kriteria 6, penulis perlu memperlihatkan hubungan antara pendekatan, pelaksanaan dan keberhasilan bagi menunjukkan bagaimana sesuatu proses menyumbang kepada pencapaian organisasi. Pemilihan kata kunci yang tepat serta penyusunan maklumat secara berfokus juga penting bagi memudahkan panel penilai mengenal pasti kekuatan organisasi.

Aspek pembuktian turut menjadi penekanan utama dalam kedua-dua kriteria. Setiap dakwaan atau pernyataan yang dikemukakan dalam laporan perlu disokong dengan bukti yang nyata, relevan dan bersesuaian. Pendekatan ini memastikan pelaporan tidak hanya menjelaskan perkara yang telah dilaksanakan, tetapi turut menunjukkan keberkesanan dan impak daripada pelaksanaan tersebut.

Penggunaan ADLI dan PDCA turut membantu pasukan penulis melihat pengurusan sumber manusia dan operasi sebagai satu proses yang saling berkait serta melalui kitaran penambahbaikan berterusan. Pendekatan tersebut merangkumi perancangan, pelaksanaan, penilaian, pembelajaran dan integrasi bagi memastikan usaha yang dilaksanakan dapat memberi nilai tambah kepada organisasi.

Secara keseluruhannya, webinar ini memberikan pendedahan yang menyeluruh kepada peserta mengenai keperluan pelaporan bagi Kriteria 5 dan Kriteria 6, khususnya dalam memperlihatkan kekuatan organisasi melalui pengurusan sumber manusia dan operasi yang sistematik. Perkongsian yang disampaikan turut membantu peserta memahami bahawa pelaporan AKNC yang berkualiti perlu disokong oleh penulisan yang jelas, berfokus serta mempunyai bukti yang kukuh bagi memperlihatkan keberhasilan organisasi.

Program ini diharapkan dapat membantu pasukan penulis laporan AKNC UiTM menghasilkan pelaporan yang lebih tersusun, strategik dan berimpak, selaras dengan aspirasi untuk memperkukuh budaya kualiti dan kecemerlangan secara berterusan.

WEBINAR ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC) 2025

KRITERIA 7: HASIL

Ts. Syed Harun Said Mohd

Jika Kriteria 6 memberi penekanan kepada proses dan operasi organisasi, Kriteria 7: Hasil pula menilai sejauh mana usaha yang dilaksanakan menghasilkan pencapaian, keberkesanan dan impak yang ditetapkan.

Pada 20 Mei 2026, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) meneruskan siri Webinar AKNC Kriteria 7: Hasil yang disampaikan oleh Dr. Yussri Sawani, Pakar Rujuk AKNC. Sesi webinar dikendalikan oleh Ts. Syed Harun S. Mohd, Penolong Pendaftar Kanan, InQKA dan dilaksanakan secara dalam talian melalui platform Google Meet.

Webinar ini mendapat sambutan menggalakkan dengan penyertaan seramai 649 warga UiTM. Sesi tersebut bertujuan memperkukuh kefahaman pasukan penulis laporan AKNC dalam menghasilkan penulisan yang strategik serta mampu memperlihatkan pencapaian, keberkesanan dan impak organisasi secara menyeluruh.

HASIL BUKAN SEKADAR ANGKA

Antara penekanan utama yang diketengahkan ialah hasil tidak seharusnya dilihat sebagai angka dan statistik semata-mata. Data merupakan bukti penting dalam pelaporan, namun nilai sebenar sesuatu hasil terletak pada keupayaannya membuktikan bahawa inisiatif yang dilaksanakan telah menyumbang kepada pencapaian objektif serta memberikan impak kepada organisasi dan pemegang taruh.

Sehubungan itu, penulisan Kriteria 7 memerlukan pemahaman yang jelas terhadap pencapaian sebenar organisasi, khususnya hubung kait antara hasil yang dicapai dengan sasaran, objektif dan hala tuju strategik yang telah ditetapkan.

ASPEK UTAMA

Penulis juga perlu melihat hasil secara menyeluruh merangkumi beberapa aspek utama, antaranya:



Pendekatan yang menyeluruh ini membolehkan hasil organisasi ditampilkan bukan sekadar dalam bentuk data, tetapi sebagai bukti pencapaian dan keberkesanan pelaksanaan strategi organisasi.

Secara keseluruhannya, Webinar AKNC Kriteria 7 memberikan pendedahan penting kepada peserta mengenai kaedah mengenal pasti, menyusun dan menghuraikan hasil secara lebih berfokus. Penulisan yang baik perlu menghubungkan inisiatif, sasaran, pencapaian dan impak dengan bukti yang relevan bagi memberikan gambaran yang jelas tentang prestasi organisasi.

Melalui pendekatan ini, laporan AKNC bukan sahaja menjadi dokumen pelaporan, malah berfungsi sebagai naratif prestasi organisasi yang berasaskan bukti dan memperlihatkan nilai serta impak yang dihasilkan.

BENGKEL PEMBENTUKAN PIAGAM PELANGGAN UiTM 2026

MEMPERKUKUH KOMITMEN PERKHIDMATAN UNIVERSITI

Ts. Syed Harun Said Mohd

Dalam usaha memperkukuh budaya kecemerlangan perkhidmatan dan meningkatkan kualiti penyampaian kepada pelanggan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) terus mengambil langkah proaktif melalui Bengkel Pembentukan Piagam Pelanggan UiTM 2026.

Bengkel yang berlangsung pada 16 Jun 2026, bertempat di Bilik Seminar Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Aras 5, Blok A Kompleks Al-Farabi, UiTM Shah Alam, menjadi platfom penting dalam menyelaras serta memperkemas pembentukan Piagam Pelanggan UiTM yang lebih jelas, terukur, telus dan berorientasikan pelanggan.

Membuka Langkah Dengan Komitmen Kepimpinan

Sesi bengkel dimulakan dengan ucapan pembukaan oleh Profesor Dr. Haslinda binti Yusoff C.A.(M), FCPA (Aust.), Penolong Naib Canselor, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), UiTM.

Dalam ucapan pembukaan tersebut, penekanan diberikan terhadap kepentingan Piagam Pelanggan sebagai satu manifestasi komitmen universiti dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, cekap, responsif dan memenuhi keperluan pelanggan.

Komitmen kepimpinan ini menjadi asas penting dalam memastikan pembentukan Piagam Pelanggan UiTM bukan sekadar memenuhi keperluan dasar dan pekeliling, tetapi turut menjadi instrumen strategik dalam memperkukuh budaya kualiti, akauntabiliti dan kecemerlangan perkhidmatan di seluruh universiti.

Sokongan dan kesungguhan pihak pengurusan turut mencerminkan aspirasi UiTM untuk memastikan setiap warga universiti memahami bahawa kecemerlangan perkhidmatan merupakan tanggungjawab bersama dan perlu diterjemahkan melalui tindakan yang konsisten serta berterusan.

Piagam Pelanggan: Janji Kualiti Kepada Pelanggan

Piagam Pelanggan bukan sekadar pernyataan komitmen organisasi, malah merupakan satu janji perkhidmatan yang mencerminkan kesungguhan sesebuah organisasi dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti, cekap, responsif dan memenuhi keperluan pelanggan.

Dalam konteks UiTM, Piagam Pelanggan menjadi instrumen penting untuk memperkukuh akauntabiliti, ketelusan dan kepercayaan pelanggan terhadap penyampaian perkhidmatan universiti. Ia turut berperanan sebagai panduan kepada warga kerja dalam memastikan setiap perkhidmatan yang disampaikan memenuhi standard yang ditetapkan serta memberikan pengalaman perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.

Pembentukan Piagam Pelanggan UiTM 2026 ini adalah selaras dengan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 1 Tahun 2025: Panduan Mengenai Piagam Pelanggan, yang menekankan kepentingan penyediaan standard perkhidmatan yang jelas, telus dan berfokuskan pelanggan.

Menyatukan Perspektif, Memperkukuh Penyampaian

Bengkel ini turut menampilkan sesi Penerangan Ringkas Pembentukan Piagam Pelanggan UiTM yang disampaikan oleh Prof. Madya Ts. Dr.-Ing. Shahrul Azam Abdullah, Pengarah Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi, InQKA, UiTM.

Perkongsian tersebut memberikan pencerahan berkaitan prinsip, pendekatan serta perkara penting yang perlu diberi perhatian dalam membentuk Piagam Pelanggan yang bukan sahaja memenuhi keperluan dasar, malah mampu menjadi satu instrumen pengurusan yang praktikal dan berkesan.

Turut berlangsung sesi Perkongsian Penyediaan Piagam Pelanggan oleh Dr. Jeniwaty Mohd Jody, Ketua Unit Kualiti, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, serta Puan Hazariah Yais Razali, Ketua Sistem Audit, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi.

Perkongsian pengalaman dan amalan terbaik ini memberikan nilai tambah kepada peserta dalam memahami proses penyediaan Piagam Pelanggan, khususnya dari aspek penetapan standard perkhidmatan, pengukuran pencapaian serta pemantauan keberkesanan penyampaian.

Melibatkan 11 Pusat Tanggungjawab

Pembentukan Piagam Pelanggan UiTM 2026 melibatkan 11 Pusat Tanggungjawab (PTj) utama, iaitu:

1. Jabatan Canseleri
2. Jabatan Akademik dan Antarabangsa
3. Jabatan Hal Ehwal Pelajar
4. Jabatan Penyelidikan dan Inovasi
5. Jabatan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni
6. Jabatan Pembangunan
7. Jabatan Pendaftar
8. Jabatan Perpustakaan
9. Jabatan Digital
10. Jabatan Bendahari
11. Jabatan Undang-Undang

Penglibatan pelbagai PTj ini mencerminkan pendekatan *whole-of-university* dalam membangunkan Piagam Pelanggan UiTM. Kesepaduan antara PTj amat penting bagi memastikan standard perkhidmatan yang dibentuk mempunyai keseragaman dari segi prinsip, kejelasan komitmen serta keupayaan untuk dilaksanakan.

Daripada Komitmen Kepada Budaya Kecemerlangan

Lebih daripada sekadar menghasilkan satu dokumen, pembentukan Piagam Pelanggan UiTM 2026 diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada pembudayaan perkhidmatan yang lebih responsif dan berorientasikan pelanggan.

Piagam yang baik perlu diterjemahkan melalui tindakan, pemantauan dan penambahbaikan berterusan. Setiap komitmen yang dinyatakan perlu dapat diukur, dipantau pencapaiannya dan ditambah baik berdasarkan maklum balas serta keperluan pelanggan.

Sehubungan itu, bengkel ini menjadi salah satu langkah strategik UiTM dalam memastikan setiap PTj mempunyai komitmen perkhidmatan yang jelas dan mampu diterjemahkan dalam bentuk penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, berkesan dan berimpak.

Menuju Piagam Pelanggan UiTM yang Holistik

Hasil perbincangan dan penyelarasan sepanjang bengkel ini diharapkan dapat menghasilkan draf akhir Piagam Pelanggan UiTM yang komprehensif, jelas dan berorientasikan pelanggan untuk pertimbangan serta pembentangan kepada pihak Naib Canselor sebelum diguna pakai secara rasmi oleh Universiti Teknologi MARA.

Sesungguhnya, Piagam Pelanggan bukan sekadar tentang apa yang universiti janjikan, tetapi juga tentang bagaimana janji tersebut diterjemahkan menjadi pengalaman perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.

Dengan komitmen yang jelas, standard yang terukur dan budaya penambahbaikan berterusan, UiTM terus melangkah ke hadapan dalam memperkukuh ekosistem penyampaian perkhidmatan yang cemerlang, responsif, berintegriti dan berorientasikan pelanggan.





SESI PERBINCANGAN KOLABORASI STRATEGIK: UiTM DAN MEDTECQUE SDN. BHD.

Noor Azwani Asyikin Samad

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah mengadakan satu sesi perbincangan penting bersama Medtecque Sdn. Bhd., sebuah syarikat perundingan dan latihan yang berfokuskan bidang farmaseutikal pada 12 Januari 2026. Sesi ini telah diketuai oleh Puan Juliana Manan, Koordinator QVC, manakala pihak agensi diwakili oleh Cik Shahira Sharif.

Sesi ini bertujuan untuk memperincikan proses permohonan *Stand Alone Micro-Credential (SAMC)* bagi program-program yang ditawarkan oleh pihak agensi tersebut di UiTM.

INTIPATI PENTING SESI KOLABORASI

1 Penjenamaan dan Tahap MQF

Dalam usaha memastikan kualiti akademik yang tinggi, beberapa kriteria teknikal telah digariskan:

Nama Program: Nama bagi setiap program mestilah ringkas, padat, dan tidak melebihi lima patah perkataan.

Tahap MQF: Program sedia ada bagi golongan dewasa bekerja dan pelajar universiti dikekalkan pada Tahap 6.

Walau bagaimanapun, perbincangan lanjut akan dijalankan bagi cadangan penempatan kursus di Tahap 7 (Ijazah Sarjana).

2 Pembangunan Kurikulum dan Objektif Pembelajaran

Pihak Medtecque disarankan untuk memastikan struktur kursus adalah selaras dengan piawaian akademik UiTM:

Objektif Pembelajaran: Perlu diselaraskan dengan jenis penilaian dan kaedah pengajaran yang digunakan.

Taksonomi Bloom: Penggunaan kata kerja *(verbs)* mestilah merujuk kepada garis panduan Domain MQF Malaysia dan disusun mengikut aras Taksonomi Bloom.

Struktur Rangka Kursus: Setiap permohonan wajib mengandungi maklumat lengkap mengenai objektif pembelajaran, topik, kaedah pengajaran, penilaian, dan ringkasan waktu pembelajaran.

3 Pengurusan Waktu Pembelajaran dan Penilaian

Satu penjelasan terperinci mengenai jam pembelajaran telah diberikan untuk memudahkan proses penyediaan modul:

Asynchronous Learning Time: Merujuk kepada masa persediaan pelajar sebelum kelas atau waktu kerja rumah.

Student's Preparation Time: Masa yang diperuntukkan bagi pelajar untuk mengulangkaji topik-topik tertentu.

Penilaian: Komponen penilaian perlu disediakan dengan lebih terperinci bagi menjamin kualiti output pelajar.

Sesi ini diakhiri dengan komitmen kedua-dua belah pihak untuk memperkukuh ekosistem pembelajaran sepanjang hayat melalui inisiatif *Micro-Credential* yang lebih sistematik dan berkualiti tinggi.

REDAKSI



PROF. DR. HASLINDA YUSOFF (C.A.(M), FCPA(Aust.)

Penasihat



PROF. MADYA DR. WAN HARTINI WAN ZAINODIN

Ketua Editor



NORAKMAR SYATILA ZAKARIA

Editor



NUR SYAMIMI ERYZAHANY ABU MANSOR

Editor &
Pereka Grafik



FATEEN ILANI KAMARUDIN

Editor, Pereka Grafik & Jurugambar

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu


KUALITI

Edisi Januari - Jun 2026

HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam



Alamat:
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Blok A, Kompleks Al-Farabi,
Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,
40450, Shah Alam, Selangor

Universiti Unggul Pemacu Bumiputera Profesional | UiTM di hatiku | اوسها تقوى مولیا | @inqkauitm



eISSN 2976-2596

9772976259003